

## **BAB TIGA**

### **RIWAYAT HIDUP ABU HAYYAN**

#### **3.0 Pendahuluan.**

Pada bab ini penulis akan menjelaskan riwayat hidup Abu Hayyan secara terperinci yang merangkumi maklumat-maklumat yang penting berkaitan dengan keperibadian dan keunggulan beliau .

#### **3.1 Pengenalan diri Abu Hayyan.**

Abu Hayyan tidak asing lagi dalam ilmu pengetahuan umat Islam, khususnya yang mendalami tafsiran al-Quran dan ilmu nahu. Seperti yang terdapat dalam bidang tafsir pembaca akan menghayati kitabnya al-Bahr al-Muhit dan dalam bidang nahu pula pembaca juga tidak akan melupai penulisannya dalam kitabnya iaitu Irtisyaf al-Darb, al-Tadhyil wa al-Takmil dan al-Tadhkirat. Adalah tidak sepatutnya jika seseorang itu mengenali Abu Hayyan hanya pada setakat menyebut namanya dan tidak cuba mengenalinya secara lebih terperinci. Oleh itu, sumbangan penulisan yang sedikit sebanyak yang ingin disampaikan oleh penulis ini mampu memberikan serta menjelaskan keperibadian Abu Hayyan secara lebih terperinci dalam penulisan ini.

##### **3.1.1 Nama Abu Hayyan.**

Abu Hayyan ialah Athir al-Din Abu Hayyan Muhammad bin Yusuf bin ‘Aliy bin Yusuf bin Hayyan al-Jayyaniy al-Nafdhiy nisbah kepada sebuah bandar yang bernama Nafdhāt di

barat Andalusia (al-Suyutiy 1965: jld1 ms 280; al-Hamawiy Yaqut 1958: jld 5 ms 342) atau nisbah kepada satu kabilah Barbar (Ibn ‘Imad 1935: jld 6 ms 45), al-Andalusiy al-Jayyaniy nisbah kepada sebuah bandar yang mempunyai kawasan yang luas (al-Hamawiy 1958: jld2 ms 266), al-Gharnatiy nisbah kepada bandar kelahirannya Gharnataṭ, al-Maghribiy al-Malikiy (tempat belajar dan mazhab asalnya), al-Syafi’iy (mazhab akhirnya).(al-Muqriy 1988: jld 3 ms 289).

### **3.1.2 Kunyat (nama timangan) Abu Hayyan.**

Nama timangannya yang masyhur ialah “ Abu Hayyan” ini adalah berdasarkan kepada nama anak lelakinya Hayyan (Ibn Hajar 1966: jld.5 ms70).

### **3.1.3 Kelahiran Abu Hayyan**

Abu Hayyan dilahirkan pada tahun 654H bersamaan tahun 1256M di kampung Matkhasyarisy bandar Gharnataṭ (Ibn ‘Imad 1935: jld.6 ms145) dan berasal dari Jayyan (al-Subkiy 1976: jld.9 ms 276) sebuah bandar di Andalusia tengah dan timur Qurtubat (Husayn Mu’nis 1955: ms 187). Dilahirkan pada akhir bulan Syawal dan dibesarkan di Bandar Gharnataṭ (al-Muqriy 1988: jld 3 ms 194).

### **3.1.4 Pembesaran Abu Hayyan.**

Abu Hayyan dibesarkan dalam suasana keluarga yang menitikberatkan ilmu pengetahuan. Hal yang demikian, terdapat dua faktor penting yang amat mempengaruhi kehidupan Abu Hayyan, iaitu keturunan dan suasana. Ayahnya merupakan seorang ulama tafsir yang terkenal. Sementara suasana ilmu pengetahuan pada masa itu pula mampu mempengaruhi

Peta 1 : Adalusia dan Saki Baki Kerajaan Islam

dalam memantapkan pemikiran dan dapat mengasah akal fikirannya. Sepanjang usia remajanya beliau hidup dalam suasana masyarakat yang amat mementingkan ilmu pengetahuan. Pada sekitar tempatnya dibesarkan, terdapat halaqat-halaqat ilmu dalam pelbagai bidang pengajian seperti fiqh, aqidah, tafsir, hadith, bahasa, satera dan lain-lain (al-Muqriy 1988: jld 3 ms.193).

Abu Hayyan tidak melepaskan peluang untuk menimba ilmu dan sepanjang usianya daripada kecil sehinggalah mencapai alam dewasa. Beliau telah banyak mempelajari ilmu pengetahuan dengan menimba ilmu daripada ulama-ulama, membaca dan merujuk banyak kitab, menghafaz dan mengarang begitu banyak kitab yang bermutu. Beliau juga telah meninggalkan kesan dan jasa kepada dunia khazanah pemikiran garamatisnya yang sangat berharga (al-Muqriy 1988: jld.2 ms 285, 288, 555; jld.6 ms 31). Secara terperinci penulis akan huraikan dalam tajuk kemudian.

### **3.1.5 Kewafatan Abu Hayyan.**

Beliau telah meninggal dunia pada waktu Asar, Sabtu 18 Safar tahun 745H bersamaan 1344M di rumahnya di sebelah luar Bab al-Bahr, Kaherah. Beliau telah disemadikan di perkuburan sufi di luar Bab al-Nasr (Ibn Hajar 1966: jld 6 ms 76; al-Syawkaniy 1348H: jld 2 ms 290).

### **3.1.6 Sifat dan sikap keperibadian Abu Hayyan.**

Al-Muqriy meriwayatkan daripada al-Ra'iniy, bahawa Abu Hayyan adalah seorang yang periang, banyak ketawa, bersahaja, baik bila berjumpa, mesra, fasih ketika bertutur, lancar dalam perbualan, banyak idea, bercita-cita tinggi, bermuka bulat, tinggi yang sederhana,

getaran suara dada yang menggerunkan beserta jenaka dan berirama, mempunyai perasaan penuh harapan, kata-katanya yang masin tidak menjemukan, mempunyai kehendak-kehendak yang baik, rupa paras yang menawan, kulit cerah bercampur kemerahan, bercahaya dengan uban, berjanggut besar dan berambut terurai (al-Muqriy 1988: jld 3 ms 321).

### **3.2 Keluarga Abu Hayyan.**

Setelah menyelidik kitab-kitab tarajum dan sirah, tidak terdapat satu pun yang menceritakan tentang ibu bapa Abu Hayyan, cuma riwayat dan nukilan Abu Hayyan sendiri daripada ayahnya dengan katanya, “ Telah berkata tuanku (ayahandaku) moga Allah beri keluasan kepadanya.....(Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 31).

#### **3.2.1 Isteri Abu Hayyan.**

Isterinya bernama Zamradat binti Abraq. Abu Hayyan telah menghantarnya untuk mendengar ilmu daripada al-Abrahuqiy Ahmad bin Ishaq bin Mu’ayyid bin ‘Aliy al-Hamadaniy. Sementara al-Barzaliy al-Qasim Muhammad bin Yusuf bin Muhammad bin Yusuf al-Barzaliy pula telah menuntut ilmu daripadanya (Ibn Hajar 1966: jld 1 ms 101). Beliau diberi nama timangan sebagai “Ummu Hayyan” dan meninggal pada tahun 736H (al-Muqriy(t.t): jld3 ms 325).

#### **3.2.2 Anak-anak Abu Hayyan.**

Abu Hayyan tidak mempunyai ramai anak. Tidak terdapat secara terperinci kisah keluarga beliau di dalam kitab-kitab atau tabaqat. Jika ada pun hanya terlalu sedikit dan jarang yang

memperkirakan tentang perkara tersebut. Apa yang termaktub dalam kitab-kitab sebelumnya dan beliau sendiri hanya nama-nama yang berikut:

### **3.2.5 Nuddar**

Nuddar binti Abu Hayyan Athir al-Din Muhammad bin Yusuf bin ‘Aliy bin Yusuf bin Hayyan . Beliau pula diberi nama timangan sebagai “Ummu al-‘Izz”. Beliau adalah seorang penyajak yang terkenal. Dilahirkan pada tahun 702 H pada bulan Jamadil Akhir. Ayahandanya Abu Hayyan banyak memujinya (al-Muqriy 1988: jld 3 ms 315).

### **3.2.6 Hayyan**

Hayyan bin Abu Hayyan Athir al-Din Muhammad bin Yusuf bin ‘Aliy bin Yusuf (Ibn Hajar 1966: jld 2 ms 170).

### **3.2.3 Cucu Abu Hayyan**

Muhammad bin Hayyan bin Abu Hayyan (Ibn ‘Imad 1935: jld 7 ms 60).

## **3.3 Guru-guru Abu Hayyan.**

Abu Hayyan sendiri telah menyebut bilangan gurunya melebihi 450 orang. Ulama yang mengijazahkannya pula terlalu ramai dari setiap pelosok tanah Arab, yang terdiri dari Andalusia, Moroko, Tunisia, Mesir, Syam, Sudan, Habsyah dan Mekah (al-Muqriy 1988: jld 2 ms 551). Antara ulama-ulama tersebut ialah:

### **3.3.1 ‘Abd al-Nasir bin ‘Aliy (608H).**

‘Abd al-Nasir bin ‘Aliy bin Yahya bin Isma’il bin Makhluf bin Nizal bin Matruh Abu Muhammad al-Maryutiy al-Hamadaniy . Beliau merupakan seorang syeikh al-Maqari’ (Guru kepada guru-guru pembacaan al-Quran) di Iskandariah , seorang yang tajam pandangannya dan bersifat benar. Beliau dilahirkan pada tahun 598 H. Sejak tujuh tahun umurnya beliau telah mempelajari qira’at dengan Abu al-Qasim al-Safrawiy dan Ja‘far al-Hamadaniy. Ketika umurnya lapan tahun murid Abu Hayyan mempelajari qira’at dengannya. Beliau meninggal dunia pada 608 H di Iskandariah (Ibn al-Jazariy 1351H: jld 1 ms 472-473).

### **3.3.2 ‘Aliy bin Muhammad bin Muhammad (680H).**

‘Aliy bin Muhammad bin Muhammad bin ‘Abd al-Rahim al-Khasyaniy al-Abaziy Abu al-Hasan. Beliau merupakan seorang ulama besar dalam bidang nahu Arab. Beliau meninggal dunia pada tahun 680 H. (al-Suyutiy 1964: jld 2 ms 199).

### **3.3.3 Al-Syatibiy (610H-680H).**

Al-Syatibiy Muhammad bin ‘Aliy bin Yusuf yang terkenal dengan nama al-Imam al-Syatibiy. Beliau dilahirkan pada tahun 601H di Balansia. Beliau memiliki sanad yang tinggi dalam riwayat al-Quran. Beliau meninggal pada tahun 680 H (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 194).

### **3.3.4 Ahmad bin ‘Aliy (680H).**

Ahmad bin ‘Aliy bin Muhammad bin Ahmad bin ‘Isa bin ‘Ayyasy Abu Ja‘far bin al-Tiba‘. Meninggal dunia pada tahun 680 H.( Ibn al-Jazariy 1351H: jld 1 ms 87).

### **3.3.5 Isma‘il bin Hibatullah (681H).**

Isma‘il bin Hibatullah bin ‘Aliy bin Hibatullah Abu Tahir al-Malijiy , seorang ahli hadith yang adil dan memiliki sanad bersambung. Beliau telah mempelajari qira‘at tujuh dengan Abu al-Jud Ghiyath bin Faris dan ‘Umar. Abu Hayyan mempelajari qira‘at tujuh tersebut dengannya. Al-Dhahabiy berkata bahawa Isma‘il telah mewarisi ilmu qira‘at, tetapi murid-muridnya berlumba-lumba untuk mengambil hadith riwayatnya disebabkan ketinggian sanad. Beliau meninggal dunia pada bulan Ramadan tahun 681H (Ibn al-Jazariy 1351H: jld 1 ms 169-171).

### **3.3.6 Ahmad bin Muhammad (683H).**

Ahmad bin Muhammad bin Mansur bin Abu al-Qasim yang dikenali sebagai al-Qadiy Nasir al-Din Abu al-‘Abbas bin al-Munir. Beliau adalah seorang ulama nahu, sastera, usul, tafsir, al-bayan dan al-insyak. Abu Hayyan telah mengambil ilmu daripadanya. Ahmad telah menulis tafsir “ al-Intisaf” yang dipelajari daripada al-Zamkhsyariy, “ Munasabat tarajum al-Bukhariy” dan bercadang menulis buku yang mengkritik kitab Ihya’ tetapi dilarang oleh ibunya dengan katanya: “Tidak cukupkah kamu memukul orang yang hidup, kemudian kamu memukul pula orang yang sudah meninggal dunia”. Dengan kata-kata itu, Ahmad berhenti berbuat demikian. Beliau meninggal dunia pada Jumaat iaitu awal bulan Rabiul Awwal tahun 683H (al-Suyutiy 1964 : jld.1 ms384).



### **3.3.7 Khalil bin Abi Bakr (590H-685H).**

Khalil bin Abu Bakr bin Muhammad bin Siddiq al-Safa Abu al-Safa al-Maraghiy al-Hanbaliy, dilahirkan pada tahun 590H. Beliau adalah seorang syekh perawi qira'at. Abu Hayyan telah menerima daripadanya secara mendengar “kitab al-Huruf”. Beliau telah meninggal pada tahun 685H di Kaherah (Ibn al-Jazariy 1351H: jld 1 ms 275-276).

### **3.3.8 Muhammad bin Ibrahim (627H-698H).**

Muhammad bin Ibrahim bin Muhammad bin Abu Nasr al-Imam Abu ‘Abdullah Baha’ al-Din bin al-Nahas. Beliau seorang ulama terkenal di Mesir dalam bidang linguistik. Beliau dilahirkan pada tahun 627 H dan meninggal dunia pada tahun 698H (al-Suyutiy 1299H: jld 1 ms 307; 1964: jld 1 ms194).

### **3.3.9 Ahmad bin Ibrahim (708H).**

Ahmad bin Ibrahim bin al-Zubayr bin Muhammad bin Ibrahim bin al-Zubayr bin al-Hasan bin al-Husayn al-Thaqafiy. Beliau merupakan antara guru Abu Hayyan yang terkemuka dan Abu Hayyan banyak menukikkan daripadanya di dalam kitab “al-Bahr al-Muhit”. Beliau adalah seorang ulama hadith, nahu, usul, sastera, tafsir dan sejarah. Meninggal pada tahun 708 H ( al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 292; Ibn ‘Imad 1935: jld 6 ms 16).

### **3.3.10 Muhammad bin Mustafa (713H).**

Muhammad bin Mustafa bin Zakariyya bin Khawaja bin Hasan al-Darwukiy al-Salghariy.

Beliau merupakan seorang ulama nahu dan mengetahui banyak bahasa. Beliau meninggal dunia pada tahun 713 H (al-Suyutiy 1964 : jld 1 ms 24).

### **3.4 Murid Abu Hayyan.**

Abu Hayyan adalah merupakan seorang ulama terkemuka dan dikira sebagai seorang pemimpin dalam kalangan ulama-ulama besar yang terpilih dikalangan umat Islam sejak dahulu sehingga sekarang. Ramai anak muridnya yang pergi menimba ilmu daripadanya sama ada datang dari timur mahupun datang dari barat. Ramai anak muridnya yang menjadi ulama-ulama besar di dunia Islam.

Abu Hayyan paling terkemuka dalam bidang nahu dan terbaik dalam bidang bacaan al-Quran (al-Suyutiy 1964: jld1 ms 280; al-Muqriy 1988: jld 3 ms 304). Beliau menjadi tumpuan pelajar-pelajar bijak pandai dan mereka menyanjung tinggi di atas kepakarannya itu (al-Suyutiy 1964: jld1 ms 282). Beliau telah menghabiskan sebahagian besar usianya dengan mendengar bacaan para pelajarnya dan menulis kitab (Ibn al-Jazariy(t.t) : ms 23) Apabila disebut mengenai pengajian pada zaman itu, ramai di kalangan ulama dan syeikh adalah bekas anak-anak murid Abu Hayyan (al-Suyutiy 1976: jld 6 ms 32). Antara anak murid Abu Hayyan ialah:

#### **3.4.1 Ibn Umm al-Qasim (749H).**

Ibn Umm al-Qasim al-Hasan bin Qasim bin ‘Abdullah bin ‘Aliy al-Muradiy al-Misriy peranakan al-Asafiy. Beliau adalah seorang ulama nahu dan bahasa yang terkenal dengan gelaran “Ibn Umm al-Qasim” . Beliau telah mempelajari ilmu nahu daripada ramai ulama, seperti Abu ‘Abdullah al-Tanjiy, al-Sarraj al-Damanhuriy, Abu Zakariyya al-Ghumariy dan

Abu Hayyan. Beliau juga menulis kitab syarah kepada kitab al-Tashil, al-Mufassal dan al-Alfiyyat. Meninggal dunia pada tahun 749 H pada hari raya aidilfitri. (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 517 ; al-Dawudiy 1954: jld 1 ms 139).

#### **3.4.2 Al-Nahhas Ibrahim bin ‘Abdullah (749H).**

Al-Nahhas Ibrahim bin ‘Abdullah bin ‘Aliy bin Yahya bin Khalaf Burhan al-Din al-Hakriy, merupakan seorang qari dan ahli nahu. Beliau sangat mengambil berat tentang bahasa Arab dan qira’at. Beliau telah menimba ilmu daripada Baha’ al-Din bin al-Nahhas, bertasmi’ secara talaqqi dengan al-Sa’igh dan Ibn al-Kaftiy dan telah mengikuti secara berterusan pengajaran Abu Hayyan. Beliau telah mengambil hadith daripada al-Dimyatiy dan al-Abrahuqiy. Beliau telah menurunkan ilmunya kepada murid-muridnya. Beliau dikenali sebagai seorang guru yang terbaik dalam pengajarannya. Beliau telah meninggal dunia semasa serangan wabak taun pada bulan Zulkaedah tahun 749H (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 415; Ibn Hajar 1966 : jld 1 ms 29).

#### **3.4.3 Ahmad bin Sa’d bin Muhammad bin Muhammad (750H).**

Ahmad bin Sa’d bin Muhammad bin Muhammad bin Abu al-‘Abbas al-‘Askariy al-Andarsiy al-Sufiy. Beliau merupakan seorang syeikh bahasa Arab yang terkenal di Damsyik pada zamannya. Beliau telah menerima ilmu daripada Abu Hayyan, Ubay dan Abu Ja’far al-Zayyat. Beliau seorang yang pakar dalam bidang nahu. Beliau juga mempunyai saham dalam penulisan kitab al-Fada’il, syarah Tashil dan membuat ringkasan kitab Tahdhib al-Kamal. Meninggal dunia pada bulan Zulkaedah tahun 750 H (al-Suyutiy 1946: jld 1 ms 309; Ibn Hajar 1966: jld 1 ms 135-136).

#### **3.4.4 Taqiy al-Din al-Subkiy (683H-755H).**

Taqiy al-Din al-Subkiy ‘Aliy bin ‘Abd al-Kafiy bin ‘Aliy bin Tammam bin Yusuf bin Musa bin Tammam bin Hamid bin Yahya bin ‘Umar bin ‘Uthman bin ‘Aliy bin Siwar bin Siwar bin Salim al-Subkiy Taqiy al-Din Abu al-Hasan. Seorang ulama besar mazhab Syafie dan termasuk dalam ashab al-wajuh (pemuka mazhab) yang dua belas orang. Beliau juga seorang mufassir, al-hafiz (Hadith), ulama usul fiqh, pakar ilmu nahu, pakar bahasa, pembaca resolusi debat masalah khilafiyat, penel yang pintar. Beliau juga digelar sebagai “Syaykh al-Islam” yang terulung dalam ijtihad. Beliau dilahirkan pada awal bulan Safar tahun 683 H, dan telah menulis sebanyak 150 buah kitab yang ulung dan ringkas. Beliau telah meninggal pada tahun 755 H di Mesir (al-Suyutiy 1964: jld 2 ms 176-177, 1299H: jld 1 ms 177; Ibn Hajar 1966: jld 1 ms 551 ).

#### **3.4.5 Muhammad bin ‘Abd al-Barr (756H).**

Muhammad bin ‘Abd al-Bar bin Yahya bin ‘Aliy bin Tammam Baha’ al-Din Abu al-Baqaa’ al-Subkiy al-Faqih al-Syafi’iy al-Nahwiyy . Ibn Hajar dan al-Dhahabiy mempersaksikan kehebatan ilmunya. Beliau meninggal pada hari Selasa 10 Rabiul Akhir 756 H (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 152-153; Ibn Hajar 1966: jld 3 ms 490).

#### **3.4.6 Al-Samin Ahmad bin Yusuf (756H).**

Al-Samin Ahmad bin Yusuf bin ‘Abd al-Da’im bin Muhammad al-Halabiy Syihab al-Din. Beliau merupakan seorang qari, ahli nahu dan berpindah ke Kaherah yang dikenali sebagai “al-Samin”. al-Asnawiy mengakuinya sebagai seorang pakar dalam bidang nahu dan qira’at. Beliau juga berkebolehan dalam usul Fiqh, seorang sasterawan dan memiliki hasil

penulisannya dalam bidang tafsir. Beliau telah mengarang sebuah kitab I‘rab (grammatical analysis) ketika beliau masih berguru dengan Abu Hayyan dan meninggal dunia pada bulan Jamadil Akhir tahun 756H (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 402; Ibn Hajar 1966 :jld 1 ms340).

#### **3.4.7 Khalil bin Abik 696H-764H.**

Khalil bin Abik al-Safadiy merupakan seorang saterawan Arab. Beliau dilahirkan pada tahun 696H dan berguru dengan ramai ulama termasuklah Abu Hayyan. Beliau berketerampilan dalam bidang sastera Arab. Kata-katanya sangat menyentuh perasaan pendengar. Meninggal dunia disebabkan taun pada tahun 764H di Damsyik (al-Subkiy 1976: jld 6 ms 94; Ibn ‘Imad 1935: jld 6 ms 200).

#### **3.4.8 Al-Isnawiy ‘Abd al-Rahim bin al-Hasan bin ‘Aliy (772H).**

Al-Isnawiy ‘Abd al-Rahim bin al-Hasan bin ‘Aliy bin ‘Umar bin ‘Aliy bin Ibrahim al-Amawiy al-Shaykh Jamal al-Din Abu Muhammad al-Isnawiy , seorang ulama Syafi‘iy yang terkenal khususnya dalam bidang ilmu usul fiqh, ilmu nahu dan ‘arud. Beliau telah mempelajari ilmu nahu daripada Abu al-Hasan al-Nahwiyy ayah kepada Ibn al-Mulqin, Abu Hayyan dan lain-lain. Abu Hayyan telah menulis surat kepadanya dengan mengatakan: “Mencari syeikh pulan dan kitab al-Tashil.....dan tidak ada orang yang lebih syaykh seumur hidupku melainkan kamu”. Beliau meninggal dunia pada 18 Jamadilakhir tahun 772 H (al-Suyutiy 1946: jld 2 ms 93).

### **3.4.9 Muhammad bin Yusuf (677H-778H).**

Muhammad bin Yusuf bin Ahmad bin ‘Abd al-Da’im al-Halabiy Mahy al-Din Nazir al-Jaysy. Dilahirkan pada tahun 677 H, belajar dengan Abu Hayyan di Kaherah dan Mansurah. Beliau telah menulis kitab Syah al-Tashil dan al-Talkhis. Meninggal dunia pada tahun 778 H (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 517).

### **3.4.10 Al-Fayyumiyy Ahmad bin Muhammad (779H).**

Al-Fayyumiyy Ahmad bin Muhammad al-Fayyumiyy al-Hamawiy. Beliau bersungguh sungguh dalam mempelajari bahasa Arab daripada Abu Hayyan dan Qutn Hamah sehingga menjadi seorang yang sangat mahir dan terkemuka. Beliau telah menjadi khatib di masjid al-Dahsyat dan telah tergolong dikalangan ulama-ulama yang mulia, alim dengan ilmu fiqh dan bahasa. Kitabnya yang masyhur ialah kamus “al-Misbah al-Munir”. Meninggal dunia pada tahun 779 H (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 389; Ibn Hajar 1966 : jld 1 ms 214).

## **3.5 Pengembaraan Abu Hayyan.**

Abu Hayyan mula meninggalkan Andalusia setelah berlaku perselisihan pendapat antara beliau dengan guru-gurunya (al-Muqriy 1988: jld 1 ms 338). Ini adalah kerana dipengaruhi oleh semangat mudanya yang akhirnya membawa beliau bermusafir ke Timur (al-Muqriy 1988: jld 3 ms 338). Beliau juga menulis kitab “al-Ilma‘ fi Ifsad Ijazat Ibn al-Tiba’” sebagai jawapan balik terhadap gurunya Ahmad ‘Aliy al-Tiba‘ yang bersengketa dengannya hasil teguran-teguran yang diberikan semasa berguru dengan beliau. Ibn al-Tiba‘ telah membuat aduan kepada Raja Muhammad bin Nasr (al-Muqriy 1988: jld 3 ms 341). Akhirnya beliau telah diperintahkan menghadap sultan dan menerima hukuman. Abu Hayyan

menyembunyikan diri dan lari melalui jalan laut ke Timur (al-Dawudiy 1972: jld 2 ms 288). Ada juga sebab lain, beliau bimbang paksaan yang akan dikenakan terhadapnya oleh sultan supaya beliau menyandang jawatan ulama istana menggantikan ulama-ulama mantiq dan falsafah yang sudah uzur (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 280).

Abu Hayyan memulakan pengembaraannya yang pertama pada awal tahun 677H (Ibn al-Jazariy: ms 23-24), atau pada tahun 679H (al-Muqriy 1988: jld 3 ms 341). Pada mulanya beliau tidak tentukan ke mana beliau akan pergi.

#### **3.5.1.1 Suasana negara-negara yang diziarahi oleh Abu Hayyan.**

Suasana politik dan kemajuan kerajaan Islam yang terdapat dalam tempoh hayat Abu Hayyan sejak mula kelahirannya sehinggalah ke akhir hayat beliau, sedikit sebanyak telah membentuk persekitaran yang menyumbang dan mempengaruhi kehidupan seseorang tokoh. Kedudukan masyarakat yang mengambil berat tentang ilmu pengetahuan, keamanan dan kesetabilan politik inilah yang menyebabkan perubahan dan turun naiknya kemajuan sesuatu bidang. Pusat ilmu pengetahuan yang diterajui oleh Andalusia dan Baghdad kemudiannya berpindah ke Mesir. Selepas berlakunya serangan tentera Salib secara bertubi-tubi dan berterusan terhadap Andalusia, iaitu pada 21 Muharram 897H (25 November 1491M). Begitu juga dengan pusat pemerintahan Islam di Baghdad telah dihancurkan oleh Monggol sejak tahun 656H (1258M).

#### **3.5.1.1 Keadaan Andalusia selepas kelahiran Abu Hayyan (656H/1256M-678H/1279M).**

Ketika kelahiran Abu Hayyan (656H), Andalusia hanya sebahagian kecil sahaja dimiliki

oleh orang Islam setelah ia jatuh ke tangan tentera Salib satu persatu. Pemerintahan pada masa itu dikenali sebagai “ Mamlakat Gharnataḥ” (Lihat Peta 1). Kerajaan Gharnataḥ diasaskan oleh Ibn al-Ahmar tahun 635H/1238M menggantikan kerajaan al-Muwahhidun yang berakhir pada tahun 629H. Pengasas kerajaan tersebut dikenali sebagai Muhammad bin Yusuf bin Muhammad bin Ahmad bin Khamis bin Nasr al-Khazrajy daripada keturunan sahabat Nabi S.A.W, Sa’d bin ‘Ubadat R.A.(Ibn Khaldun1971: jld 4 ms 17; al-Muqriy1988: jld1ms280). Beliau dikenali sebagai Ibn al-Ahmar, dilahirkan di Arjunat pada tahun 595H(1198M). Pada masa tersebut serangan orang-orang Kristian bertalu-talu terhadap negara Islam di Andalusia.

Bandar Gharnataḥ (Granada) merupakan pusat pemerintahan kerajaan Gharnataḥ yang mempunyai keluasan yang terbesar di antara wilayah-wilayah Andalusia. Kedudukannya ialah di sebelah selatan Andalusia bandar Malqat (Malaga) menghadapi laut Miditerinian, di sebelah utaranya ialah bandar Jayyan (Jean), di sebelah timurnya ialah Isybiliyyat (Sevilla), di sebelah timur lautnya bandar Laqnataḥ (Alicante), Mursiyyat dan di sebelah barat laut ialah bandar Qurtubat (Cardoba), Wilayah Qadis (Huelva) dan wilayah Farantirat ( ‘Anan(t.t) : ms 47).

Mamlakat Gharnataḥ pada masa itu mempunyai tiga wilayah terbesar iaitu wilayah pusat bandar Gharnataḥ sendiri, wilayah Muriyyat yang merangkumi wilayah Mursiyyat sehingga ke laut dan Bandar utamanya ialah Barsyanat (Valencia). Wilayah ketiga ialah wilayah Malqat (Malaga) yang terletak sebelah barat Gharnataḥ dan bandarnya yang terpenting ialah Thaghr Malqat ( ‘Anan (t.t): ms 47).

Gharnataḥ semasa pemerintahan Islam merupakan sebuah syurga yang dipenuhi dengan kebun-kebun yang subur, taman-taman yang indah sebagaimana diceritakan oleh Ibn Battutat dengan katanya: “Gharnataḥ merupakan pusat pemerintahan Andalusia dan



Peta 2: Mamlakat Gharnatat (630H)

seperti pengantin jika dibandingkan dengan bandar-bandar lain. Persekitaran yang memegungkan, 40 batu ke baratnya akan berjumpa dengan sungai Syanil yang masyhur dan sungai-sungai yang lainnya, kebun-kebun, ladang-ladang, taman-taman, istana-istana dan pokok anggur yang lebat dengan buah-buah yang berjuntai pada setiap kawasan. Tempat yang paling mengagumkan ialah di Bukit ‘Ain al-Dam‘ yang dipenuhi dengan taman-taman, kebun-kebun yang tidak pernah dilihat di tempat lain (Ibn Battutā(t.t): ms 25,185,251,409; ‘Anan(t.t) : ms 434).

Kerajaan Gharnatā berkesempatan membangunkan aktiviti-aktiviti pemikiran dan ilmu pengetahuan. Pada zaman ini lahirnya sasterawan dan ulama dengan ramainya. Cuma para sasterawan sedikit ketinggalan berbanding yang lain, ini adalah disebabkan pemerintah pada masa itu terdiri daripada keturunan Barbar. Oleh itu, ramai diantara para sasterawan di kalangan mereka terpaksa berhijrah ke wilayah Muriyyat, seperti al-Maghamir al-Masyriqiy Abu al-Futuh al-Jurjaniy, Samuel bin al-Naghlat al-Yahudiy, Anderson, al-Faqih Abu Ishaq al-Albiry (Husayn Mu’nis1955: ms 15).

Antara penyajak-penyajak yang termasyhur pada zaman itu ialah al-Wazir bin al-Hakim (708H), anaknya Abu Bakr bin Muhammad al-Wazir, Abu ‘Abdullah bin Khamis al-Tulmusaniy(708H), Abu Hayyan al-Andalusiy (745H), Abu al-Hasan ‘Aliy bin al-Jiyab (749H) dan Abu ‘Abdullah Muhammad Ibn Jabir al-Andalusiy al-Darir.

Pakar-pakar bahasa pula terdiri daripada Abu Bakr Muhammad bin Idris al-Quda‘iy (707H), Abu Ja‘far Ahmad bin Ibrahim al-Hafiz al-Nahwiy (745H) yang dikira sebagai ulama besar nahu yang terakhir di Andalusia, Abu al-Hasan ‘Aliy bin Yahya al-Fazariy (750H), Abu ‘Abdullah Muhammad bin ‘Aliy al-Albiry (754H) yang merupakan “Syaykh al-Nuhat” pada zamannya dan ramai yang menuntut ilmu dengannya seperti Ibn al-Khatib dan Ibn Zamruk.

Ulama-ulama ilmu agama pula terdiri daripada al-Qasim bin ‘Abdullah al-Ansariy al-Asybiliy (725H), Abu al-Qasim ‘Abdullah bin Jazzi al-Gharnatiy (741H). Para ahli sufi dan persejaraan juga wujud di zaman itu al-Albiriy (Husayn Mu’nis1955: ms 15).

### **3.5.1.2 Suasana di Moroko, Tunisia dan Algeria semasa penziarahan Abu Hayyan (679H- 680H).**

Pada tahun 679H Abu Hayyan telah belayar dari Andalusia ke utara Afrika dan sampai di bandar Fas dan berada di situ selama tiga hari. Pada masa itu Abu Hayyan sudah berumur 25 tahun. Beliau telah bertemu dengan Abu al-Qasim al-Mizyatiy, ulama Fas (al-Muqriy: jld 3 ms 341). Kemudian beliau telah bermusafir ke Sabtah, Bijayat, Tunisia dan bandar Tunisia. Setelah itu beliau telah melalui di beberapa buah Bandar di Moroko dan utara Afrika. Beliau bertemu ramai ulama-ulamanya seperti Abu ‘Abdullah Muhammad bin Salih al-Kinaniy dan Abu al-‘Abbas Ahmad bin ‘Aliy bin Khalis al-Asybiliy (Abu Hayyan2001: jld 3 ms 213; al-Suyuti(t.t): ms 37,119; al-Subkiy(t.t): jld 6 ms 32).

Semasa penziarahan Abu Hayyan, Moroko dibawah pemerintahan al-Murin 591H /1194M hingga 667H/1269M dan saki baki al-Muwahhidun 667H/1369M hingga 957H/1350M, Algeria di bawah pemerintahan al-Zayyan 633H/1235M hingga 796H/1393M dan al-Murin 796H/1393M hingga 960H/1560M, Tunisia dan Libya dibawah pemerintahan Bani Hafs 620H/1228M hingga 941H/1534M (Ahmad al-Syalabiy(t.t): jld 4 ms 244) sila lihat Rajah 3.1.

Al-Muriniyyun atau dikenali sebagai Bani Murin berasal daripada keturunan Barbar. Mereka menguasai pemerintahan Moroko bermula pada tahun 1244M hingga tahun 1465M. Pusat pemerintahan mereka ialah di Fas. Keturunan mereka adalah daripada

Rajah 3.1: Andalusia zaman –zaman pemerintahan Islam hingga kejatuhannya.

kabilah Zanatat al-Barbariyyat yang mendiami kawasan sebelah timur sempadan padang pasir Sahara. Mereka berpindah ke Moroko pada awal kurun ke 12 Masihi. Setelah mereka bersama dengan pemerintahan al-Muwahhidun, muncul dua beradik bangsa Murin iaitu Abu Yahya ‘Abd al-Haq 1244M-1258M dan saudaranya Abu Yusuf 1258M-1286M menguasai bandar-bandar seperti Mankas 1244M dan Fas 1248M. Mereka berjaya mengeluarkan Tunisia daripada pemerintahan al-Muwahhidun yang berpusat di Marakisy. Mereka telah menyusun ketenteraan yang kuat untuk menjaga negara mereka dan sering memberi bantuan kepada kerajaan Islam di Andalusia pada ketika itu. Zaman Abu Ya‘qub beliau telah mengepalai beberapa peperangan di bumi Andalusia 1286M-1307M. Mereka juga telah memperluaskan kawasan negara mereka hingga ke Algeria dan menawan bandar Wahran dan bandar Algeria.

Antara ulama Banu Murin yang terkemuka ialah Abu Muhammad ‘Abd al-Haq al-Muriniy 1217M-1240M, Abu Ma‘ruf Muhammad bin ‘Abd al-Haqq 1240M-1244M dan Abu Yahya Abu Bakr bin ‘Abd al-Haqq.

Sementara di Tunisia, Algeria dan Tripoli (Libya) diperintah oleh al-Hafsiyyun yang berpusat di bandar Tunisia 1229 M -1574 M. Al-Hafsiyyun berasal daripada kabilah asal orang Barbar yang mendiami bukit al-Atlas. Mereka dinamakan al-Hafsiyyun berdasarkan nama salah seorang moyang mereka Abu Hafs ‘Umar 1174M-1195M, juga merupakan di antara pahlawan-pahlawan Ibn Tumarat yang sangat kuat menunaikan janji. Cucu cicitnya yang selepas itu merupakan gabenor-gabenor Tunisia. Antara anak cucunya bernama al-Amir Abu Zakariyya telah berjaya merampas takhta kerajaan al-Muwahhidin dan mengisytiharkan kemerdekaannya, dengan mengasas kerajaan al-Hafsiyyun. Anaknya pula al-Mustansir berjaya mengalahkan serangan tentera Salib kali ketujuh pada tahun 1277M-1249M. Abu Zakariyya telah menggelarkan dirinya sebagai “Amir al-

Mu'minin" . Selepas kematiannya, anak-anaknya telah berbalah merebut takhta kerajaan dan berperang sesama sendiri. Pada akhir kurun ke-13 keluarga pemerintahan tersebut berpecah kepada dua, satu keluarga memerintah di Bijayat dan satu keluarga lagi memerintah di Qastantiniyyat. Pada pertengahan kurun ke-14 kerajaan al-Muriniyyun telah menakluk negara al-Hafsiyyun. Selepas berakhirnya kerajaan al-Muriniyyun kembali semula kerajaan al-Hafsiyyun memerintah negara mereka. Antara raja-raja selepas itu ialah Abu al-Ahmad 1370M-1394M, Abu Faris 'Abd al-'Aziz 1394M-1434M dan Abu 'Umar Yahya 1435M-1488M. Zaman ini adalah merupakan zaman keamanan dan keselesaan seluruh Negara Hafsiyyun. Tunisia pula menjadi pusat perdagangan bebas yang sangat penting ( Yusuf Syukri1982:ms176).

Antara ulama terkenal kerajaan al-Hafsiyyun ialah Abu Muhammad 'Abd al-Wahid bin Abu Hafs 1207M-1216M dan 'Abullah Abu Muhammad bin Abu Hafs 1224M-1230M. Abu Hayyan telah berjumpa dengan ramai ulama Moroko dan Tunisia. Beliau telah menerima ilmu secara sama' daripada mereka sekeliling Moroko dan Tunisia. Beliau menerima ilmu secara sama' di Sabtat, Bijayat dan Tunus. Abu Hayyan dikira sebagai ulama yang memberikan sumbangan besar kepada ilmu tafsir, hadith, ilmu-ilmu syarat, ilmu-ilmu furuk, bibleografi, ensiklopedia dan sejarah Moroko. Beliau berjumpa dengan ulama besar Moroko, Muhammad bin 'Aliy bin Yusuf Radi al-Din Abu 'Abdullah al-Ansariy al-Syatibiy al-Lughawiy, Abu Muhammad 'Abd al-Din Harun di Tunisia dan Abu 'Abdullah bin Muhammad bin Salih al-Kattaniy di Bijayat (Ibn 'Imad 1351H: jld 6 ms 145; Ibn Tughri Bardiy(t.t): jld 10 ms 111). Beliau juga bertemu dengan Muhammad bin Yusuf bin Habisy Abu Bakr al-Adib seorang ulama yang terkemuka dalam bidang nahu yang masih hidup di Tunisia pada tahun 679H, Ahmad bin 'Aliy bin Khalis al-Asybiliy. Abu Hayyan telah mengambil hadith daripadanya (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 37).

### **3.5.1.3 Suasana Mekah semasa penziarahan Abu Hayyan (679H-680H).**

Pada musim haji tahun 679H Abu Hayyan sampai ke Mekah, beliau telah berjumpa dengan Abu al-Hasan ‘Aliy bin Salih al-Husayniy seorang ulama Mekah yang terkenal. (Abu Hayyan(t.t): ms 3).

Pada masa itu pemerintahan al-Mamalik memang terkenal di seluruh dunia. Hubungan kerajaan al-Mamalik dengan pemerintah Mekah pada masa itu sangat baik. Pada zaman pemerintahan Sultan al-Nasir Muhammad bin Qalawun, baginda telah membina Hijr Ismail. Di zaman bagindalah hidupnya Abu Hayyan di Mesir sebagai ulama yang terkemuka. Kerajaan al-Mamalik sememangnya mengambil berat tentang urusan agama, selepas pembinaan Hijr Ismail oleh Sultan al-Nasir Muhammad bin Qalawun, cucunya Sultan al-Asyraf telah menghiasi Ka’bah dengan emas dan perak pada 776H. Kerja-kerja menghiasi Ka’bah diteruskan lagi oleh Sultan Barakat dan Sultan Barquq 801H. Raja-raja tersebut semuanya daripada keturunan Qalawun. Pemerintahan Mekah pada masa itu berada di tangan Banu Qatadaṭ yang berasal daripada Arab Badwi yang telah menyerang Banu Hasyim dengan tentera yang ramai pada tahun 597H/1259M. Semasa Abu Hayyan menziarahi Mekah, pemerintah Mekah pada masa itu ialah Abu Nami al-Awwal bin Abu Sa’id 662H-701H (1263M-1301M) (<http://www.hukam.net>).

### **3.5.1.4 Suasana Syam semasa penziarahan Abu Hayyan (679H-680H).**

Sebagaimana Mesir dan utara Afrika dikuasai oleh kerajaan al-Mamalik, begitu jugalah Syam diperintah oleh kerajaan al-Mamalik. Banu Ayyub tidak merelai perbuatan al-Mamalik yang bertindak membunuh Turan Syah dan merampas kerajaan Mesir daripadanya. Al-Malik al-Nasir al-Ayyubiy merupakan Sultan Syam pada masa itu cuba

untuk menawan Mesir dan menghancurkan kerajaan al-Mamalik, tetapi hasrat beliau berkubur begitu sahaja apabila Aqtay pada tahun 1250 telah mengalahkan beliau dalam satu pertempuran di Ghazaṭ. Kemudian beliau mengulangi kali kedua membuat serangan tetapi dapat dipatahkan oleh Abik lebih teruk daripada yang sebelumnya di Abbasiyyat berhampiran al-Salhiyyat (al-Muqriziy 1973: jld 1 ms 372-374).

Kemenangan kerajaan al-Mamalik dalam peperangan ‘Ain Jalut pada 27 Ramadan 658H (September 1260M) merupakan pertanda besar berakhirnya kerajaan Ayyubiyah. Umat Islam lebih mempercayai kewibawaan kerajaan al-Mamalik daripada kerajaan Ayyubiyah. Kerajaan al-Mamalik berjaya menundukkan tentera Monggol dan tentera Salib. Tidak kekal lagi kerajaan Ayyubiyah di Syam kecuali al-Malik al-Mughith ‘Umar yang memerintah al-Kurk dan al-Syawbik. Walaupun begitu, pada akhirnya ia berjaya juga diambil alih pemerintahan tersebut oleh Zahir Bebres pada tahun 1263M. Untuk menyempurnakan penguasaan kerajaan al-Mamalik di Syam, pada tahun 1265M Zahir Bebres menawan Qisariyyat, Arsuf dan Safad (Ibn Abu al-Fada’il(t.t): ms 132, 148). Seterusnya Zahir Bebres menawan pula Tabariyyat, Qal‘at Yafa pada tahun 1268M. Pada Mei 1268M pula beliau menawan pula al-Syaqif dan Antakiyyat yang merupakan bandar besar Kristian. Pada tahun 1289M pula Sultan Mansur Qalawun menawan Tripoli. Diikuti pula Sultan Asyraf Khalil bin Qalawun menawan ‘Akka pada tahun 1291M dan dengan jatuhnya bandar ‘Akka maka berakhirilah tentera Salib keseluruhannya di Syam .

Semasa Abu Hayyan menziarahi Syam antara tahun 678H/1279M hingga 679H /1280M. Syam pada masa itu sudah dikuasai oleh kerajaan al-Mamalik. Pada permulaan beliau sampai ke Mesir, sultan yang memerintah pada masa itu ialah Sultan Salamisy 678H /1279M merupakan sultan terakhir keturunan Zahir Bebres. Pada tahun 679H semasa beliau menetap di Mesir, pemerintahan al-Mamalik beralih daripada keluarga Bebres kepada



keluarga Qalawun.

Kerajaan al-Mamalik telah membahagikan Syam kepada enam bahagian yang dinamakan “Niyabat̄” iaitu setiap niyabat̄ ada seorang Na’ib al-Sultan dan semua Na’ib al-Sultan berada dibawah Sultan al-Mamalik di Kaherah yang merupakan pusat pemerintahan kerajaan al-Mamalik. Niyabat̄ tersebut ialah Damsyik, Halab, Tripoli, Hamah, Safad dan al-Kurk. Keenam-enam niyabat̄ ini bukanlah secara serentak diwujudkan tetapi mengikut sejarahnya.

Semasa Abu Hayyan menziarahi Syam beliau sempat bertemu dan berdialog dengan Ibn Taymiyyat̄. Semasa persiapan umat Islam menghadapi serangan tentera Monggol, Ibn Taymiyyat̄ telah bertemu dengan Sultan al-Nasir Muhammad bin Qalawun yang sudah menjadi sultan kepada Mesir dan Syam. Ibn Taymiyyat̄ mencadangkan kepada Sultan supaya mempersiapkan angkatan tentera bagi menghadapi Monggol dan sultan menerima cadangan tersebut. Ibn Taymiyyat̄ telah menyampaikan khutbah di Masjid al-Umawiy dan menyeru umat Islam supaya bangun berjihad. Peperangan tersebut dikenali sebagai peperangan Syaqqhab yang telah memusnahkan Monggol lebih teruk daripada ‘Ain Jalut (Ibn al-Athir(t.t): jld 12 ms 482).

#### **3.5.1.5 Suasana Sudan semasa penziarahan Abu Hayyan (679H-680H)**

Sudan dikenali sebagai “Nubat̄” yang merangkumi Aswan, utara Sudan sampai ke pertemuan antara dua cabang sungai Nil iaitu Khurtum sekarang ini, daripada Sungai Nil Biru sampai ke sebelah timur sempadan Habsyah dan ke sebelah barat pula hingga sampai ke Radfan dan Darfur. Perhubungan dengan Islam sejak zaman-berzaman ketika Mesir mula menerima Islam. Semasa zaman Salah al-Din al-Ayyubiyyat̄, beliau telah membuat

perjanjian dengan Nubat berjalan sehingga enam tahun (al-Syalabiy Ahmad(t.t): jld 6 ms 222).

Semasa Abu Hayyan mula sampai ke Mesir, kerajaan al-Mamalik telah memerintah Mesir dan Syam, Nubat hanya membayar cukai kepadanya tetapi belum diperintah sepenuhnya oleh kerajaan al-Mamalik. Apabila Sultan al-Nasir Muhammad mengambil alih tampuk pemerintahan al-Mamalik, pada masa itu Nubat diperintah oleh raja Kristian terakhir yang bernama Karinbes. Pada tahun 1316M beliau enggan membayar cukai kepada Sultan al-Nasir Muhammad menyebabkan Sultan mengambil peluang untuk menukar kerajaan Nubat kepada seorang raja muslim, sedangkan penduduk muslim kian bertambah. Sultan al-Nasir telah menghantar satu ketumbukan tentera yang dikepalai oleh al-Amir 'Izz al-Din Aybak dan disertakan seorang berbangsa Nubat yang beragama Islam bernama 'Abdullah Barsyambo yang mendapat pendidikan di Mesir. Sultan al-Nasir berpendapat dengan melantik beliau sebagai raja Nubat akan bertambah erat hubungan antara Nubat dengan Mesir. Apabila dapat disedari oleh raja Karenbes beliau telah menghantar anak kepada kakaknya yang beragama Islam yang bernama Kanz al-Dawlat bin Syuja' al-Din berserta dengan surat yang menyampaikan cadangan supaya dilantik anak saudaranya menggantikannya sebagai raja (al-Nuwayriy1973: jld 3 ms 95-96). Sebaliknya Sultan tidak mengindahkannya dan terus melantik Syambo sebagai raja. Walaupun berlaku sedikit kegoncangan tetapi berakhir dengan keamanan dan kesetabilan serta Islam dapat disebarkan dengan meluas. Orang-orang Islam segera membina masjid besar di atas tapak gereja di Diqilat pada tahun 1418M dan berakhirlah kerajaan Kristian. Jizyah telah ditamatkan, perdagangan antara kedua-dua negara Nubah dan Mesir berjalan rancak (al-Nuwayriy 1973: jld 3 ms 95-96).

### **3.5.1.6 Suasana Mesir selepas Abu Hayyan menetap di Mesir (680H- 745H)**

Mesir pada ketika ini di bawah pemerintahan al-Mamalik al-Bahriyyat yang berjaya mengalahkan serangan Monggol terhadap Mesir dan Syam. Kerajaan ini telah memainkan peranan penting dalam menjaga dan memelihara khazanah warisan Islam. Mesir pada zaman ini merupakan kiblat kaum muslimin dan Arab selepas kejatuhan Baghdad di tangan Monggol pada tahun 656H dan juga setelah jatuh sebahagian besar bandar Andalusia ke tangan penyerang Kristian pada 21 Muharram 897H bersamaan 25 November 1491M .

Abu Hayyan mengambil keputusan menetap di Mesir pada tahun 680H, pada akhir pemerintahan Sultan Qalawun (al-Subkiy 1976 : jld 6 ms 31). Jelaslah sekali disini bahawa Mesir menjadi negara yang kuat dan selamat untuk para ulama dalam menyumbangkan bakti mereka setelah negara-negara Islam lain telah diserang setiap penjuru oleh tentera Salib Eropah dan Monggol.

Kesultanan al-Mamalik berjaya memajukan Mesir dan Syam dalam pelbagai bidang khususnya dalam perkembangan bahasa dan agama. Zaman ini juga dikira sebagai zaman keemasan bagi Mesir. Kesusasteraan Arab dan ilmu nahu di antara ilmu pengetahuan yang menjadi tumpuan ke arah kesempurnaan. Perkembangan ilmu pengetahuan sangatlah memberansangkan, perpustakaan-perpustakaan telah dibina dan memainkan peranan yang sepenuhnya dalam penyebaran ilmu pengetahuan. Sekolah-sekolah dibina dengan banyaknya, seperti di Kaherah sahaja sudah mempunyai 70 buah sekolah yang mengajar mazhab-mazhab empat. Ibn Battutat merakamkannya dalam kitab beliau dengan katanya: "Sekolah-sekolah di Mesir tidak terhingga banyaknya" (Ibn Battutat(t.t): jld 1 ms 20). Antara sekolah-sekolah tersebut ialah: Sekolah al-Nasiriyyat, al-Salahiyyat, al-Kamiliyyat, al-Qamhiyyat, al-Sahibiyyat, al-Suyufiyyat, al-Zahiriyyat, al-Fadiliyyat, al-Mansuriyyat, al-

Salafiyat, al-Fa'iziyat dan al-Masruriyat.

Perkembangan penulisan dan pembukuan juga berkembang pesat di dalam pemerintahan al-Mamalik. Terhimpunnya tamadun penulisan Baghdad dan tamadun penulisan Andalusia di Mesir sebagai pusat pemerintahan mereka. Pelbagai-bagai jenis ilmu pengetahuan telah dikembangkan di samping ilmu mazhab yang berbeza-beza. Antara penulis-penulis yang termasyhur zaman al-Mamalik di Mesir dan Syam ialah 'Izz 'Abd al-Salam (660H), Ibn al-Nahhas (698H), Taqiy al-Din Ibn Daqiq al-'Id (702H), Ibn Taymiyyat al-Hurraniy (728H), Ibn Qayyim al-Jawziyyat (751H), Taqiy al-Din al-Subkiy (756H), Ibn Malik (672H), Ibn Manzur (711H), Ibn Hisyam al-Ansariy (761H) dan Ibn 'Aqil (769H) (Khadijat al-Hadithiy(t.t): ms 39).

Apabila dilihat dari segi ekonomi pula kerajaan al-Mamalik mengambil berat dalam bidang pertanian sehingga menjadi tunjang utama kehidupan rakyat Mesir dan Syam (al-Nuwayriy1973: jld 39 ms 91). Mereka juga memajukan bidang kraf tangan dan pembuatan sehingakan hiasan-hiasan dalam muzium Mesir dan Syira kebanyakan adalah hasil yang dibuat oleh di zaman kerajaan al-Mamalik (al-Muqriziy 1973 : jld 2 ms 105). Begitu juga dengan aktiviti perdagangan merupakan punca utama kehidupan rakyat dalam negara al-Mamalik. Sultan Qalawun telah memerintahkan penjaga sempadan supaya memberi kelonggaran dan berbuat baik kepada para pedagang antarabangsa daripada Cina, India, Yaman, Eropah dan jiran-jiran yang ingin memasuki negara mereka untuk tujuan perdagangan ( Ibn al-Furat1939: jld7 ms 198).

Manakala dari segi sosialnya pula kerajaan al-Mamalik merupakan kerajaan yang mengamalkan sistem autokrasi, sebahagian besar kekayaan negara dinikmati oleh golongan pemerintah (Sa'id 'Asyur 1972 : ms 37,48). Kaherah dan bandar-bandar besar dalam kerajaan al-Mamalik dipenuhi dengan aktiviti. Kerajaan al-Mamalik melaksanakan sistem

pembersihan bandar, mencantikkan kawasan dan kedai-kedai yang dipenuhi dengan barang-barang dibawah pengelolaan pegawai hisbah yang bijak, kental akan tetapi kurang berpegang teguh dengan agama (Ibn al-Ukhuwwat1976: ms 8).

Kerajaan al-Mamalik juga mengambil berat pembinaan hostel-hostel, farmasi-farmasi, pusat-pusat wakil, penjemuran, bilik-bilik mandi awam, hospital-hospital dan lain-lain. Walaupun kehidupan rakyat yang berada dalam ketidakseimbangan ekonomi tetapi mereka dapat hidup dalam keadaan berseronok dengan bersiar-siar di kebun-kebun bunga, mendengar alat-alat muzik dan nyanyian, menonoton wayang kulit, pelaga kibas dan ayam (Abu al-Mahasin1976: jld 9 ms 136; jld 5 ms 41; al-Muqriziy1973: jld 2 ms 574). Kaum wanita pula mendapat penghormatan yang tinggi, mereka dibenarkan keluar ke pasar-pasar, ke bilik-bilik mandi awam dan menuntut ilmu di masjid-masjid (Sa'id 'Asyur 1972 : ms 127-140).

Banyak perayaan diadakan, sama ada berbentuk tradisi atau keagamaan bahkan kadang-kadang ia melampaui batas. Pada perayaan keagamaan mereka bertukar-tukar hadiah, kenduri-kendara dan sedekah kepada fakir miskin. Perayaan tradisi dan kebangsaan pula seperti hari pelantikan ketua-ketua negara, mengingati sungai Nil dan lain-lain (al-Muqriziy1973: jld1 ms138).

Kehidupan beragama di zaman kerajaan al-Mamalik berdasarkan kepada mazhab Sunni, walaupun pada awalnya mazhab Syiah, tetapi ia telah berjaya diatasi oleh Salah al-Din al-Ayyubiy. Ini adalah disebabkan kerana Kaherah pada masa itu dipegang oleh pemerintahan Abbasiyah dalam buangan dan menjadi tempat tumpuan umat Islam dari timur dan barat. Sultan-sultan al-Mamalik telah mengharamkan sama sekali mazhab selain daripada mazhab ahl al-Sunnah dan mazhab empat. Sultan al-Zahir Bebres juga telah mengeluarkan arahan yang sama iaitu mengharamkan mazhab selain daripada empat

mazhab ahl al-Sunnah. Semua jawatan dalam negara yang terdiri daripada kehakiman, khatib, gabenor-gabenor wilayah, tenaga pengajar mestilah terdiri daripada pengikut mazhab ahl al-Sunnah (Muhammad Kamil Husayn(t.t): ms 73-74).

Pembinaan masjid berkembang pesat dan indah di Mesir dan Syria. Pada zaman pemerintahan Sultan al-Nasir Muhammad sahaja beliau telah membina serta mendirikan sebanyak 28 buah masjid (Zaytar Syatin(t.t): ms 225-226). Perkembangan ilmu tasawwuf juga berkembang pada zaman ini. Kebanyakan syeikh-syeikh ahli sufi datangnya daripada Andalusia dan Moroko, seperti Abu al-Hasan al-Syaziliy, Abu al-‘Abbas al-Mursiy, Abu al-Qasim al-Qabbariy dan al-Sayyid Ahmad al-Badawiy. Mereka mendapati bahawa Mesir adalah merupakan tempat yang subur dan paling sesuai untuk mengembangkan atau menyebarkan ilmu tasawwuf dan mazhab mereka (Sa‘id ‘Asyur 1972 : ms 162-163).

Apabila diteliti dalam kehidupan ilmiah pula, zaman pemerintahan al-Mamalik mencapai mercu tanda yang gemilang, menjadikan Mesir sebagai pusat penyebaran ilmu bagi seluruh dunia. Faktor yang penyumbang utama ke arah itu ialah penghijrahan para ulama dan orang-orang kenamaan ke bumi Mesir setelah kejatuhan Baghdad dan Andalusia (al-Suyutiy(t.t): jld 2 ms 86). Kecintaan serta keminatan sultan-sultan al-Mamalik pada ilmu pengetahuan amat terserlah, seperti Sultan al-Zahir Bebres yang meminati halakah sejarah Islam, Sultan al-Ghuriy pula mengadakan majlis ilmu dan menghadirinya di Qal‘at , gabenor-gabenor al-Mamalik pula sangat meminati kepada halakah-halakah tarikh Islam, fiqh, hadith dan bahasa Arab, bahkan ada di antara mereka menyampaikan ilmu tersebut (Sa‘id ‘Asyur1972: ms 142). Manakala dalam bidang kesusasteraan Arab pula, mereka amat menyukainya dan mengutamakan bahasa Arab fusha (fasih) daripada bahasa pasar disebabkan pelbagai kaum. Al-Busiriy (695H/1296M) yang terkenal dengan al-Burdat lahir di zaman al-Mamalik (Suyutiy(t.t): jld1 ms 245, jld 2 ms 143).

Dalam suasana inilah Abu Hayyan hidup di Mesir, bermula dari tahun 670H hingga ke akhir hayatnya 745H, setelah setahun lamanya menziarahi utara Afrika, Mekah, Syam dan Sudan. Beliau menetap di Mesir, yang membantu beliau dalam menyampaikan ilmunya dan mengarang kitab sebanyak-banyaknya.

Tidak terhenti setakat itu sahaja, bahkan perjuangan Abu Hayyan telah menghasilkan institusi ilmu dengan menghasilkan ramai para ilmuan dan ini diperakukan sendiri oleh beliau dalam al-Bahr al-Muhit (Abu Hayyan2001:jld1 ms 4). Abu Hayyan telah mendapat penghormatan dan kedudukan daripada sultan-sultan Mesir dan pembesar negeri ketika itu. Kebetulan pada zaman tersebut sultan-sultan dan pembesar negeri terdiri daripada orang-orang yang sangat memuliakan alim ulama dan ilmu pengetahuan. Beliau telah dilantik oleh kerajaan Mesir pada ketika itu untuk menyampaikan ilmunya di Masjid al-Hakim pada tahun 704H. Beliau telah diiktiraf oleh penduduk Mesir sebagai “Syaykh al-Nahw”.

Kata Ibn Kathir: “Pada hari Ahad 3 Rabiul Awwal 704H saya telah menghadiri pengajian dan kerja yang telah disediakan oleh Sultan Bebres al-Jasyankir al-Mansuriy setelah baik pulih selesai dibuat keatas masjid al-Hakim akibat daripada kesan gempa bumi pada tahun 702H. Al-Jasyankir telah mewujudkan empat jawatan penting yang terdiri daripada seorang al-Qudat (hakim) yang mengajar mazhab-mazhab, seorang syeikh Hadith iaitu disandang oleh Sa‘d al-Din al-Harithiy, seorang syeikh Nahu, yang disandang oleh Abu Hayyan, syeikh qira’at al-Sab‘ disandang oleh Nur al-Din al-Syantufiy dan syeikh ‘Umumiy (kuliah umum) disandang oleh ‘Ala’ al-Din al-Quniy. (Ibn Kathir(t.t): jld 14 ms 33).

Pada tahun 710H zaman pemerintahan Sultan al-Qahir al-Malik al-Nasir, Abu Hayyan telah menjadi guru tafsir di Kubah Sultan al-Malik al-Mansur. Abu Hayyan telah

berkata di kala beliau sedang dalam melakukan penulisan tafsirnya al-Bahr al-Muhit: “ Tidak hilang dalam ingatan saya dan masih bermain-main dalam fikiran saya, bahawa saya telah mencapai hasrat dan matlamat saya, selama masa yang telah saya habiskan umur muda saya sehinggalah mencapai 60 an, ketara sekali uban-uban yang tumbuh untuk saya kembali kepada Tuhan Yang Maha Pemurah dan saya pun menghadkan penumpuan saya hanya kepada tafsiran al-Quran, maka Allah telah bersama saya dengan kedudukan saya sebagai guru mengajar di Kubah al-Sultan al-Malik al-Mansur, dalam negara yang diperintah oleh anaknya al-Sultan al-Qahir al-Malik al-Nasir, moga Allah menjadikan pemerintahannya penunaian hak kepada setiap orang yang berkeahlian” (Abu Hayyan2001: jld 1 ms 3). Beliau terus menyampaikan ilmu sehingga mencapai taraf “Syaykh al-Aqra” di masjid al-Aqmar salah sebuah masjid zaman al-Fatimiy (Yusuf Darwisy1982: ms37). Beliau telah dilantik sebagai mahaguru ilmu nahu menggantikan gurunya Muhammad bin al-Nahhas (al-Muqriziy1973: jld 2 ms 278).

Hubungan baik Abu Hayyan dengan Amir Sayf al-Din Uragn Na'ib al-Sultan al-Nasiriy menyebabkan beliau beroleh kedudukan yang tinggi. Semasa anak perempuan beliau al-Nuddar meninggal dunia beliau telah berjumpa dengan Sultan al-Malik al-Nasiriy untuk memohon supaya sultan mengizinkan beliau mengebumikan anaknya di rumahnya di Barqiyyat, Kaherah. Sultan telah mengizinkannya dan beliau telah mengucapkan terima kasih dan pujian kepada sultan (al-Suyutiy(t.t): ms 281; Ibn Hajar(t.t):, jld1 ms 352).

### **3.5.2 Pengembaraan Abu Hayyan.**

Setelah mencapai umur dewasa dan bekalan ilmu yang cukup Abu Hayyan mula mengembara ke negara-negara Islam di utara Afrika, Mekah dan Syam. Pengembaraan



beliau membawa rahamat kepada umat Islam. Antara Negara-negara yang dilawati oleh beliau ialah:

### **3.5.2.1 Pengembaran pertamanya ke Moroko (679H).**

Moroko adalah negara pertama yang disinggahi oleh Abu Hayyan pada awal tahun 679. Beliau telah bertemu ramai ulama Moroko, diantaranya ialah Abu al-Qasim al-Mizyatiy (al-Muqriy 1988: jld3 ms 341), Abu ‘Abdullah bin Muhammad bin Salih al-Kinaniy dan Abu al-‘Abbas Ahmad bin ‘Aliy bin Khalis al-Asybiliy (Abu Hayyan2001: jld 3 ms 213).

### **3.5.2.2 Pengembaraanya ke Tunisia.**

Tunisia menjadi tempat persinggahannya yang kedua selepas Moroko. Beliau sampai ke Tunisia pada tahun yang sama 679H. (al-Subkiy 1976: jld 6 ms 21). Beliau telah bertemu dengan ramai ulama di situ dan mengambil hadith daripada mereka. ( Husayn Mu’nis 1955: ms 187). Di Moroko dan Tunisia beliau telah melalui banyak tempat bagi menimba ilmu daripada ulama-ulamanya. Beliau telah mengambil hadith daripada Abu Muhammad ‘Abd al-Din Harun dan lain-lainnya. Di Jabiyat̄ pula beliau menerima hadith daripada Abu ‘Abdullah Muhammad al-Kattaniy (Ibn ‘Imad(t.t): jld 6 ms145; Ibn Tughri 1963: jld 10 ms 111). Abu Hayyan juga sempat berguru dengan Abu Bakr Muhammad bin Yusuf bin Habisy seorang ulama nahu dan Ahmad bin ‘Aliy bin Khalis al-Asybiliy (al-Subkiy(t.t): jld6 ms 21) dan Abu ‘Abdullah Muhammad bin ‘Abbas al-Qurtubiy (al-Suyutiy(t.t): ms37; al-Subkiy(t.t): jld6 ms 32).

### **3.5.2.3 Pengembaraanya ke Iskandariah.**

Abu Hayyan meneruskan pengembaraannya pada tahun yang sama ke Iskandariah. Beliau telah membaca qira'at dengan 'Abd al-Nasir bin 'Aliy al-Maryutiy ( Ibn al-Jazariy(t.t): ms 24 ; Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 38).

### **3.5.2.4 Pengembaraan ke Sudan.**

Setelah beberapa lama beliau berada di Mesir pada tahun yang sama, Abu Hayyan berangkat pula ke Sudan menuju ke bandar 'Ayzab dan Barjunaṭ (al-Hamawiy Yaqut 1956: jld 4 ms 193).

### **3.5.2.5 Pengembaraannya ke Habsyah.**

Setelah menghabiskan ziarahnya ke Moroko, Tunisia, Iskandariah dan Sudan pada tahun tersebut, beliau meneruskan perjalanannya ke Habsyah ( Husayn Mu'nis 1955: ms 187).

### **3.5.2.6 Pengembaraannya ke Mekah.**

Abu Hayyan meneruskan perjalanannya dari Habsyah ke Mekah dan mengerjakan haji (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 38).

### **3.5.2.7 Pengembaraannya ke Syam.**

Pengembaraan Abu Hayyan pada tahun itu diakhiri di Syam selepas mengerjakan haji pada tahun yang sama ( Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 38).

### **3.5.2.8 Pengembaraannya berakhir di Mesir 680H.**

Kesudahan Abu Hayyan rahimahullah beliau mengambil keputusan menetap di Mesir pada tahun 680H (al-Subkiy 1976: jld 6 ms 31). Beliau telah mendengar hadith daripada ramai ulama di sini (Ibn al-Jazariy (t.t):, ms 23).

## **3.6 Ilmu pengetahuan Abu Hayyan.**

Abu Hayyan adalah seorang ulama yang sangat luas pembacaannya, banyak ilmu di sebabkan banyak sumber yang membantu beliau menjadi seorang tokoh yang terbilang (Ibn Hajar 1946: jld 4 ms 306). Paling ketara ialah ilmu bahasa Arabnya, bahkan beliau juga baik dalam menguasai bahasa Turki dan Farsi. Inilah merupakan kunci khazanah ilmu yang dimilikinya (al-Safadiy 1911: ms 284).

### **3.6.1 Ilmu pengetahuan Tafsir.**

Abu Hayyan telah menjadikan huraian bahasa sebagai asas kepada pentafsiran al-Quran dalam kitab-kitab tafsir karangannya (al-Muqriy 1988: jld 3 ms 289; Ibn ‘Imad 1935: jld 6 ms 45). Dalam pentafsiran ayat-ayat al-Quran, Abu Hayyan telah dipengaruhi oleh tafsir gurunya Ibn al-Naqib, iaitu tafsir al-Tahrir wa al-Tahbir, tafsir Ibn ‘Atiyyat iaitu tafsir al-Muharrar al-Wajiz di mana beliau memujinya dan tafsir al-Kasysyaf karangan al-Zamkhsyariy ( Abu Hayyan 1993: jld 1 ms89).

Abu Hayyan telah mewarisi dua buah kitab tafsir yang sangat bermutu iaitu: tafsir al-Bahr al-Muhit dan al-Nahr al-Mad. Di dalam kitab tafsirnya, Abu Hayyan telah mengikut susunan tertentu. Beliau memulakan tafsiran dengan penjelasan makna dan perkataan, diikuti dengan sebab nuzul, kemudian perbincangan mengenai nasikh mansukh,

diikuti pula dengan perhubungan ayat antara satu sama lain dan diakhiri dengan penjelasan bentuk-bentuk bacaan. Beliau juga telah mengikut dua bentuk tafsiran iaitu tafsir bi al-Athar (tafsiran al-Quran dengan al-Quran atau al-Quran dengan hadith) dan tafsir bi al-Ra'y (tafsir yang bersandarkan kepada ijtihad) (Abu Hayyan 1993: jld 1 ms 60).

Kitab tafsir al-Bahr al Muhit yang terdiri daripada lapan jilid yang telah menjadi rujukan para ulama. Tafsir al-Bahr al-Muhit adalah merupakan intipati ilmu Abu Hayyan, kerana kitab tersebut ditulis setelah beliau berumur 57 tahun, jangka masa hayat yang berlalu penuh dengan pencarian ilmu, mengajar, mengarang dan sebagai guru tafsir al-Quran (Ibn Khaldun 1962: jld 1 ms 4).

### **3.6.2 Ilmu pengetahuan bahasa Arab.**

Ketinggian ilmu nahu Abu Hayyan tidak dapat disangkal lagi ini adalah kerana beliau merupakan seorang mujtahid mustaqill dalam bidang nahu (Abu Hayyan 1993: al-Bahr al-Muhit, jld 1 ms 65). Beliau bukanlah bermazhab dengan mana-mana mazhab nahu sebagaimana yang didakwa oleh ramai penganalisis kitab-kitabnya. Ada yang mengatakan bahawa beliau bermazhab Basrah (Ibrahim Rufaydah 1992: jld 2 ms 910), ada pula yang mengatakan beliau bermazhab Ibn al-Da'i dalam menolak pendalilan nahu menggunakan hadith Nabi S.A.W. (al-Suyutiy 1964: jld 1 ms 280 ; al-Muqriy 1988: bab 5 bhg 1; Ibn 'Imad 1935: jld 6 ms 145) dan yang lain mengatakan pula bermazhab Zahiri (al-Suyutiy : jld 1 ms 282). Kehebatan Abu Hayyan dapat disaksikan bagaimana beliau dapat mengkritik Ibn Hisyam yang tersohor dengan kitab Qatr al-Nada, Syudhur al-Dhahab dan Mughni al-Labib sehingga memperlihatkan kekuatannya di kalangan para ilmuan. Ketelitian beliau dalam mengambil riwayat-riwayat yang telah didengari, dengan menolak dalil-dalil yang

mempunyai keraguan, tidak mengambil takwil apabila kedapatan banyak riwayat, riwayat-riwayat itu pula mestilah riwayat yang kuat dan menolak sandaran-sandaran yang bukan daripada orang Arab yang asli (al-Suyuti 1299H: ms 24, 100 ; (t.t):jld1 ms125 ;jld 2 ms11,24,125).

Ketokohan beliau terserlah dalam warisan peninggalan yang tidak ternilai harganya. Tercatat dalam sejarah bahawa Abu Hayyan telah meninggalkan dua puluh dua buah kitab yang bersangkutan dengan nahu Arab. Ini akan diperkatakan dalam BAB EMPAT.

### **3.6.3 Ilmu Bahasa Asing.**

Abu Hayyan mempunyai kemahiran berbahasa Turki, Habsyah, Farsi dan bahasa Yakhmur (Erners,Robert 1999). Banyak kitab bahasa asing yang dihasilkan oleh beliau, antaranya: Al-Idrak li Lisan al-Atrak, Al-Af'al fi lisan al-Turk, Zahw al-Malik fi Nahw al-Turk, Mantiq al-Khars fi Lisan al-Furs, Jala' al-Ghabsy fi Lisan al-Habsydan Al-Makhbur fi Lisan al-Yakhmur (al-Muqriy 1968: jld 3 ms 308; Ibn Hajar 1966: jld 6 ms 71).

### **3.6.4 Ilmu pengetahuan Aqidah.**

Keterampilan Abu Hayyan dalam bidang ilmu akidah atau ilmu kalam tidaklah begitu ketara. Beliau lebih tertumpu dalam bidang ilmu bahasa, keterampilannya dalam bidang tafsir itu adalah merupakan ikatan yang tidak boleh dipisahkan antara bahasa Arab dengan al-Quran al-Karim. Oleh itu tafsiran al-Quran yang dilakukan oleh Abu Hayyan lebih mencurah kepada bentuk tafsiran bahasa Arab, khususnya dalam bidang nahu dan i'rab. Suasana Andalusia yang tidak menggalakkan perdebatan ilmu kalam memberi kesan kepada perwatakan Abu Hayyan. Walaubagaimanapun, perbahasan mengenai akidah agak

ketara dalam muqaddimah tafsir beliau di mana Abu Hayyan telah menolak dan menjawab khurafat kumpulan-kumpulan sesat batiniyyah, syiah, mulhidin dan sebagainya.

### **3.6.5 Ilmu pengetahuan Fiqh.**

Pengetahuan fiqh pula Abu Hayyan telah mewarisi empat buah kitab iaitu: Al-Wahhaj fi Ikhtisar al-Minhaj li al-Nawawiy, Al-Anwar al-Ajla fi Ikhtisar al-Muhalla, Masa'il al-Rusyd fi Tajrid Masa'il Nihayat Ibn Rusyd. Kitab ini tidak lengkap, Kitab al-A'lam bi Arkan al-Islam (al-Katbiy 1973: jld 2 ms557; al-Syawkaniy 1348H: jld 2 ms 289).

### **3.6.6 Pengetahuannya dalam bidang qira'at.**

Abu Hayyan membaca al-Quran dengan riwayat Warsy sejak awalnya kerana qira'at tersebut merupakan bacaan yang dibaca oleh masyarakat Andalusia. Sejak kecil beliau diasuh dengan bacaan tersebut. Bacaan tersebut dipelajari di Maktab (sekolah al-Quran) di Andalusia dengan sanad Ma'mar yang diambil daripada Abu Tahir Isma'il bin Hibatullah bin 'Aliy al-Mallihy yang berasal dari Mesir, diambil pula daripada Abu al-Jud Ghiyath bin Faris Makkiy al-Mundhiriyy di Mesir daripada Abu al-Futuh Nasir bin al-Hasan bin Isma'il al-Zaydiy di Mesir daripada Abu al-Husayn Ahmad bin Sa'id bin Nufays di Mesir daripada Ibn 'Adiy 'Abd al-'Aziz bin bin 'Aliy bin Muhammad yang dikenali sebagai "Ibn al-Imam" di Mesir daripada Abu Bakr bin 'Abdullah bin Malik bin Saif di Mesir daripada Abu Ya'qub bin Yusuf bin 'Amrw bin Siyar al-Azraq di Mesir daripada Abu 'Amrw 'Uthman bin Sa'id bin 'Adiy yang bergelar "Warsy Mesir" di Mesir daripada Abu 'Abd al-Rahman Nafi' bin 'Abd al-Rahman bin Abu Nu'aim di Madinah daripada Abu Ja'far bin Yazid bin al-Qa'qa' di Madinah daripada 'Iyyasy bin Abu Rabi'at al-Makhzumiyy di

Madinah daripada Ubay bin Ka'b R.A daripada Rasulullah S.A.W. (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 109).

Abu Hayyan memang terkenal dalam bidang ilmu qira'at. Beliau telah telah meninggalkan beberapa pusaka yang berharga dalam bidang tersebut. Kitab-kitab yang dihasilkan dalam bidang ini ialah: 'Aqd al-La'iy fi al-Qira'at al-Sab' al-'Awaliy, al-Hulal al-Haliyyat fi Asanid al-Qira'at al-'Aliyat, Al-Mawrud al-Ghamr fi Qira'at Abu 'Amrw, Taqrib al-Na'iy fi qira'at al-Kisa'iy, al-Muzn al-Hamir fi qira'at Ibn 'Amir, Al-Athir fi Qira'at Ibn Kathir, Al-Nafi' fi Qira'at Nafi', Al-Ramzat fi Qira'at Hamzat, Al-Rawd al-Basim fi Qira'at 'Asim, Ghayat al-Matlub fi Qira'at Ya'qub, Qasidat al-Nayyir al-Jalliy fi Qira'at Zayd bin 'Aliy (al-Muqriy 1968: jld 3 ms 306).

### **3.6.7 Pengetahuannya dalam bidang Hadith.**

Bidang hadith bukanlah menjadi tumpuan Abu Hayyan. Tidak tersebut di dalam kitab-kitab sirah dan tokoh mengenai kitab-kitab hadith yang dihasilkan oleh Abu Hayyan kecuali apa yang disebut oleh muridnya al-Safadiy sebuah kitab hadith berjudul Juz' Hadithi (al-Safadiy 1911: ms 281). Abu Hayyan mengambil hadith daripada Ahmad bin 'Aliy bin Khalis al-Asybiliy semasa lawatannya ke Tunisia pada tahun 679H (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 37). Ada beberapa riwayat hadith yang menjelaskan tentang wuduk melalui Anas bin Malik R.A, tetapi dalam sanadnya guru kepada al-Tabaraniy dan guru kepada gurunya 'Umar bin Aban merupakan orang yang tidak dikenali serta daif. Satu riwayat lagi ialah mengenai majlis ilmu yang diriwayatkan sanad melalui 'Abdullah bin 'Umar R.A dan hadith tersebut merupakan hadith sahih (al-Subkiy: jld 9 ms 279-284).

### 3.7 Pujian dan Sanjungan Ulama.

Antara pujian dan sanjungan ulama terhadap Abu Hayyan:

1. Baha' al-Din Muhammad bin Syihab al-Khaymiy(685H) memuji Abu Hayyan dalam qasidahnya:

إِنَّ الْأَثِيرَ أَبَا حَيَّانَ أَحْيَانًا      بِثَرِّهِ طَيِّبٍ عِلْمٍ مَاتَ أَحْيَانًا

Maksudnya: Athir al-Din Abu Hayyan sesungguhnya kadang-kadang dengan kata-kata nasarnya merupakan lipatan-lipatan ilmu yang boleh mati kadang-kadang. (al-Suyutiy(t.t): ms 280 ).

2. Pada suatu hari beliau menziarahi pembesar negeri al-Syaykh Sadr al-Din ibn al-Wakil (665H-716H), tetapi beliau tiada di rumahnya, maka Abu Hayyan telah menulis dengan cat diatas pintu rumahnya (al-Muqriy: jld 3 ms 298- 299), apabila beliau pulang dan melihat tulisan Abu Hayyan lantas bersyi'r dengan katanya:

قَالَ أَبُو حَيَّانَ غَيْرُ مُدَافِعٍ      مَلِكُ النُّحَاةِ فُقُلْتُ بِالْإِجْمَاعِ  
اسْمُ الْمَلُوكِ عَلَى التُّقُودِ، وَإِنِّي      شَاهَدْتُ كُنْيَتَهُ عَلَى الْمِصْرَاعِ

Maksudnya: Kata Abu Hayyan tanpa ada orang yang boleh mempertahankan, raja ulamahanu, maka saya katakan secara ijmak' (sepakat kata). Nama raja pada syiling, dan sesungguhnya saya lihat namanya terukir di pentas tinju (sebagai juara)” (al-Muqriy : jld 3 ms 298- 299).

3. Al-Adfawiy(680H-748H) pula berkata: “ Beliau (Abu Hayyan) adalah merupakan seorang yang thabit (diperakui), benar, boleh dibuat hujah, sejahtera akidah daripada bidaah falsafah, mu‘tazilah dan mujassimah. Sentiasa berada dalam keadaan khusyuk dan banyak menangis ketika membaca al-Quran” [www.refed.net/books/aqaed-10/rasa\\_2.htm/](http://www.refed.net/books/aqaed-10/rasa_2.htm/) 24 Oktober 2005; (Hasan al-Banna(t.t): ms 23-41; Ibn ‘Imad 1351H: jld 6 ms 146).



4. Al-Dhahabiy (748H) telah berkata: “ Dalam keadaan kebijaksanaannya yang hebat dalam bahasa Arab, beliau juga merupakan seorang ulama yang luas ilmu dalam bidang fiqh, sejarah, qira’at dan linguistik. Beliau telah meninggalkan banyak hasil penulisannya dalam bidang qira’at dan nahu. Beliau merupakan kebanggaan penduduk Mesir dalam bidang ilmu, ditangannyalah terhasil ramai ulama terkemuka”. Katanya lagi: “Seorang pun tidak thabit (tepat) dalam bahasa Arab kecuali Abu Hayyan. Semua ulama melihat ulama lain kekurangan berhadapan dengan Abu Hayyan disebabkan kehebatannya dalam ilmu bahasa” (al-Dhahabiy 1988: jld 2 ms 561).

5. Al-Safadiy (750H) murid Abu Hayyan berkata: “Saya tidak pernah lihat mana-mana guru saya yang paling sibuk seperti Abu Hayyan, saya tidak pernah tengok sekali pun beliau duduk tanpa sebarang kerja tetapi ada sahaja pekerjaan yang dilakukannya, sama ada beliau mendengar bacaan seseorang kepadanya, atau membuat kerja, atau menulis. Beliau orang yang tepat dalam meriwayatkan sesuatu, dapat menghuraikan dan menjelaskan apa yang diperkatakan, arif dengan bahasa dan tulisannya tepat dan meyakinkan” (al-Muqriy(t.t) : jld 3 ms 294).

6. Al-Safadiy (696H-764H) berkata : “ Ramai yang memuji Abu Hayyan sama ada daripada kalangan syu‘ara’ (penyajak-penyajak) atau pun pembesar-pembesar yang mempunyai kedudukan seperti hakim Muhy al-Din bin ‘Abd al-Zahir, tertera dalam syi‘rnya:

قَدْ قُلْتُ لَمَّا أَنْ سَمِعْتُ مُبَاحِثًا      فِي الدَّاتِ قَرَّرَهَا أَجَلٌ مُقَيَّدِ  
هَذَا أَبُو حَيَّانٍ قُلْتُ صَدَقْتُمْ      وَبَرَّرْتُمْ هَذَا هُوَ التَّوْحِيدِي

Maksudnya: Memang aku telah katakan bila mana aku dengar sesuatu perbincangan mengenai zat maka beliau telah menegaskan dengan masa yang terikat. Kamu kata itu Abu Hayyan (al-Nahwiy), aku jawab: “Ya benar sekali”. Tetapi kamu degil, masih

mengatakan Abu Hayyan al-Tawhidiy (orang lain)” (al-Muqriy(t.t) : jld 3 ms 392).

7. Ibn al-Jazariy (751H-833H) telah berkata:“Abu Hayyan ialah al-Imam (pemimpin), al-Hafiz(orang yang menghafaz seratus ribu hadith dengan sanadnya), Syaykh al-’Arabiyyat (penghulu bahasa Arab), sastera dan qira’at bersifat ‘adalat (tidak melakukan dosa-dosa besar, tidak selalu melakukan dosa kecil dan bermaruah) dan thiqah (boleh dipercayai)” (al-Muqriy(t.t) : jld 2 ms 285).

8. Ibn Qadi Syuhbah (779H-857H) telah berkata: “Abu Hayyan merupakan seorang al-Hafiz, pentafsir al-Quran, pakar nahu, bahasa, unggul di zamannya tiada tandingan, syeikh kepada ulama nahu zamannya, imam bagi semua mufasirin zamannya dan penulis kitab-kitab yang termasyhur di dunia” (al-Subkiy(t.t): jld 3 ms 67).

9. Al-Suyutiy (849H-911H) berkata: “ Pakar nahu zamannya (Abu Hayyan), pakar bahasa, pentafsir al-Quran, muhaddith (seseorang mencapai martabat sangat mengambil berat dengan hadith dari segi riwayat dan periwayat, mengetahui keadilan perawi dan ilmu cacat cela perawi), alim qira’at, sejarawan dan juga seorang sasterawan” (al-Suyutiy(t.t): jld 1 ms 280).

10. Mujir al-Din ‘Umar bin al-Lamatiy(927H) dalam qasidahnya berbunyi:

يَا شَيْخَ أَهْلِ الْأَدَبِ الْبَاهِرِ      مِنْ نَاطِمٍ يُلْقَى وَمِنْ نَاطِرٍ

Maksudnya: Wahai Syeikh ahli peradaban yang gemilang , orang yang membuat nazam ini dan orang yang membuat nathar ini(al-Muqriy : jld 3 ms 299).

11. Al-Muqriy (986H) berkata: “Sesungguhnya ramai orang telah memujinya di dalam syi’r-syi’r mereka daripada kalangan penyajak-penyajak Arab, pembesar-pembesar, seperti hakim Muhy al-Din ‘Abd al-Zahir, Syaraf al-Din bin al-Wahid dan Najm al-Din bin al-Minna al-Turkiy. Beliau telah ditanya mengenai sambungan kitab Syarh al-Tashil melalui dua rangkap syi’r yang berbunyi:

تَبَدَّى , فَحَلْنَا وَجْهَهُ فَلَقَ الصُّبْحَ      وَكَمَّلَهُ بِالْيُمْنِ فِيهِ وَالنَّجْحَ  
وَسَهَّلْتَ تَسْهِيلَ الْفَوَائِدِ مُحْسِنًا      فَكُنْ شَارِحًا صَدْرِي بِتَكْمِلَةِ الشَّرْحِ

Maksudnya: Sememangnya kamu, maka kami katakan kemuliaan fajar subuh yang telah menyempurnakan dengan penuh keberkatan dan kejayaan, orang yang mempermudah kitab Tashil untuk faedah umum yang sangat baik, maka engkau lah orang yang melapangkan dadaku dengan sambungan kitab tersebut” (al-Muqriy(t.t) : jld 3 ms 294).

12. Al-Ra'iniy (902H-995H) berkata: “Abu Hayyan merupakan seorang syeikh yang mulia. Saya tidak pernah melihat ulama seumpamanya yang kuat beramal, pemurah dan tidak kedekut, baik percakapan, baik pertemuan, cantik kemesraan, kata-kata yang sangat fasih, bercakap lancar, mempunyai idea yang banyak, dan keazaman yang besar” (al-Muqriy (t.t): jld 3 ms 321).

13. Al-Syawkaniy (1250H) telah berkata: “Abu Hayyan adalah seorang ulama besar dalam bidang bahasa Arab dan tafsir. Lautan dalam bidang bahasa Arab dan tafsir. Tokoh semasa, yang ulung di dunia pada masa itu dan tiada tandingan” (al-Syawkaniy 1348H: jld 3 ms 288).

Begitulah kehebatan yang terdapat pada diri Abu Hayyan sehingga menjadi tersohor dan terulung pada zamannya.

### **3.8 Pegangan Abu Hayyan.**

Adalah tidak sempurna jika tidak membicarakan tentang pegangan dan akidah tokoh terkemuka ini. Banyak tokoh-tokoh yang terkenal di dunia, tetapi akidah mereka rosak terpengaruh dengan pelbagai mazhab dan akhirnya umat menjadi hambar walupun ilmu yang mereka warisi bertimbun-timbun.

### **3.8.3 Aqidah Abu Hayyan.**

Abu Hayyan dibesarkan di bandar Andalusia. Pada ketika itu, Andalusia berada dalam pegangan aqidah yang kuat. Setiap perkembangan pemikiran falsafah, mantiq, ilmu kalam, khayalan-khayalan ahli sufi dan lain-lain tidak mendapat tempat ketika itu. Oleh itu, sesiapa yang cuba membawa perkara-perkara tersebut akan dikira sebagai puak zindik, kafir dan akan didakwa oleh pemerintah serta dikenakan hukuman penjara. Para ulama pada ketika itu, mempunyai kedudukan yang tinggi dalam pemerintahan, dan itu adalah diantara sebabnya ilmu-ilmu sesat tidak dapat disebarkan.

Abu Hayyan terkesan dengan kehidupan seumpama ini dan beliau berada diatas akidah yang sejahtera, ditambah lagi dengan kehidupannya yang dipenuhi dengan kesibukan menuntut ilmu. Ibn Hajar telah memperakukan kesempurnaan aqidah Abu Hayyan dengan katanya; “Abu Hayyan merupakan seorang yang sangat benar, boleh dibuat hujah, teguh pendirian, seorang salaf dan sejahtera aqidahnya daripada sebarang bid’ah falsafah atau fahaman Muktazilah atau Mujassamah ( fahaman tuhan berjisim). (Ibn Hajar 1966: jld 5 ms 73-74).

### **3.8.2 Mazhab Fiqh Abu Hayyan.**

Mazhab Maliki merupakan mazhab yang dipegang oleh masyarakat Andalusia ketika itu. Pihak kerajaan menjadikan mazhab Maliki sebagai asas perlembagaan negara, asas perundangan, fatwa dan syura. Khalifah-khalifah di Andalusia memelihara mazhab Maliki. Keadaan ini bertukar apabila mazhab Zahiri yang diasaskan oleh Daud al-Zahiri bertapak di Andalusia. Abu Hayyan mengubah pendiriannya dan mengikut mazhab Zahiri sebelum

berhijrah ke Mesir. Ekoran itu, beliau telah menulis sebuah kitab yang bernama al-Anwar al-Ahla fi Ikhtisar al-Muhalla ( al-Syawkaniy 1348H: jld 2 ms 290).

Setelah beliau berhijrah ke Mesir pegangannya kepada mazhab Zahiri telah bertukar kepada mazhab Syafie . Apabila ditanya tindakannya tersebut beliau menjawab bahawa tindakannya itu berdasarkan tempat. Beliau juga telah mengarang kitab al-Wahhaj fi Ikhtisar al-Minhaj (huraian kepada kitab al-Minhaj kepunyaan Imam Nawawiy) (Ibn Iyas al-Hanafiy(t.t): jld 1 ms 200). Dalam tafsir al-Bahr al-Muhit beliau telah memuji dan mengambil banyak ijtiha Imam Syafie (al-Subkiy 1976: jld 6 ms 21). Walau bagaimanapun, kesan pegangan mazhab Zahiri sukar untuk dibuang bahkan mengesani metodologi nahunya. Sebagai buktinya ialah bahawa beliau lebih memilih sama‘ daripada ‘illah dan qiyas dalam penentuan nahu (al-Muqriy 1968: jld 3 ms 306; al-Suyutiy 1348H jld 2 ms 288).

### 3.8.3 Mazhab Tasawwuf Abu Hayyan.

Pendirian Abu Hayyan terhadap mazhab tasawwuf amat jelas, beliau sentiasa menjauhi kata-kata ahli tasawwuf kecuali perkataan-perkataan yang bertujuan bagi menjelaskan makna perkataan tertentu. (al-Suyutiy 1973: jld 4 ms 227). Pendirian beliau setaraf dengan pendirian ulama-ulama lain pada zaman itu.

Abu Hayyan telah menulis beberapa rangkap syi‘r mengenai ahli sufi yang menggambarkan pendiriannya, katanya:

أَيَا كَاسِيًا مِنْ جَيِّدِ الصَّوْفِ نَفْسَهُ      وَيَا عَارِيًّا مِنْ كُلِّ فَضْلٍ وَمِنْ كَيْسٍ  
أَتَزْهَى بِصَوْفٍ وَهُوَ بِالْأَمْسِ مُصْبِحٌ      عَلَى نَعْجِهِ وَالْيَوْمِ أَمْسَى عَلَى تَيْسٍ

(al-Muqriy: Nafh al-Tayyib, jld3 ms 290).

Maksudnya: Wahai orang yang berpakaian daripada bulu terbaik untuk dirinya, wahai orang yang bertelanjang daripada pakaian dan kebijaksanaan. Adakah kamu semua zahirnya memakai bulu-bulu binatang, sedangkan kamu semalam, pagi-pagi lagi bersama (hidangan) kambing betinanya, malahan hari ini, kamu sudah bersama (hidangan) kambing gurun jantan pula.

Pendirian beliau terhadap khayalan-khayalan ahli sufi yang mendakwa mengetahui perkara-perkara ghaib, katanya:

فَارْتَمُوا يَدْعُونَ أَمْرًا عَظِيمًا      لَمْ يَكُنْ لِلْخَلِيلِ لَا وَالْكَلِيمِ  
 بَيْنَمَا الْمَرْءُ مِنْهُمْ فِي اسْتِنْعَالِ      أَبْصُرَ اللَّوْحَ مَا بِهِ مِنْ رُقُومِ  
 فَجَنَى الْعِلْمَ مِنْهُ غَضًّا طَرِيًّا      وَدَرَى مَا يَكُونُ قَبْلَ الْهُجُومِ  
 إِنَّ عَقْلِي لَفِي عِقَالٍ إِذَا مَا      أَنَا صَدَقْتُ بِإِفْتِرَاءٍ عَظِيمِ

(Abu Hayyan2001: jld 4 ms 145; Ibn Maktum: jld 4 ms 145).

Maksudnya: Maka mereka mengikat jari untuk mendakwa perkara besar, sedangkan perkara tersebut tidak wujud pada (agama) nabi Ibrahim dan tidak juga pada (agama) nabi Musa. Sedangkan orang-orang mereka suka meneka sesuatu yang berlaku, lihatlah papan-papan dipenuhi dengan kira-kira. Sebenarnya merekalah yang telah melakukan jenayah ilmu secara lembut dan mereka tahu sebelum mereka dikutuk, sesungguhnya akalku semacam diberkas kalau aku membenarkan kata-kata mereka.

Jelas di sini pendirian Abu Hayyan, bahawa beliau berpendirian sederhana, mengambil mana-mana yang boleh dan meninggalkan perkara khayalan-khayalan ahli sufi.

### 3.8.4 Mazhab nahu Abu Hayyan

Abu Hayyan bukanlah pengikut mana-mana mazhab nahu. Beliau tidak selalu mengambil

Rajah 3.2: Salasilah penerimaan nahu Abu Hayyan.

pendapat ulama Basrah, tidak juga mazhab Kufah, tidak juga mazhab Baghdad dan tidak juga mazhab Andalusia, sebaliknya beliau merupakan seorang mujtahid mustaqill dalam bidang nahu. Beliau bebas mengambil mana-mana pendapat selagi mana pendapat tersebut bertepatan dengan kaedah asul nahu (Syawqi 1968: ms 288).

Kata-kata beliau yang masyhur menjelaskan pendirian tersebut, katanya:

" وَلَسْنَا مُتَعَبِّدِينَ بِقَوْلِ مُحَاةِ الْبَصْرَةِ وَلَا غَيْرِهِمْ مِمَّنْ خَالَفَهُمْ، فَكَمْ مِنْ حُكْمٍ ثُبِتَ بِنَقْلِ الْكُوفِيِّينَ مِنْ كَلَامِ الْعَرَبِ لَمْ يَنْقُلْهُ الْبَصْرِيُّونَ، وَكَمْ حُكْمٍ ثُبِتَ بِنَقْلِ الْبَصْرِيِّينَ لَمْ يَنْقُلْهُ الْكُوفِيُّونَ، إِنَّمَا يَعْرِفُ ذَلِكَ مَنْ لَهُ اسْتِحَاذٌ فِي عِلْمِ الْعَرَبِيَّةِ" (Abu Hayyan 2001: jld 3 ms 167)

Maksudnya: Kita bukan orang yang diperhambakan dengan pendapat ulama-ulama Basrah, dan tidak juga dengan mana-mana pendapat ulama lain yang menentang mereka, berapa banyak hukum yang betul mengikut riwayat ulama Kufah yang tidak wujud dalam riwayat ulama Basrah. Sebaliknya berapa banyak pula riwayat ulama Basrah yang betul tidak pula diriwayatkan oleh ulama Kufah. Jauhari sahaja yang mengenal batu maknikam.

### **3.9 Faktor yang membentuk pemikiran Abu Hayyan.**

Terdapat beberapa faktor yang menjadi tonggak kepada pemikiran Abu Hayyan, antaranya ialah:

#### **3.9.1 Pengaruh guru-gurunya.**

Abu Hayyan sebagaimana yang telah kita perkatakan dalam bab kedua, berguru dengan ramai ulama dalam pelbagai bidang. Hampir empat ratus lima puluh orang syekh yang beliau bertalaqqi (menerima ilmu secara berguru), mendengar dan menuntut. Seramai dua ratus orang lebih di kalangan mereka itu ialah ulama nahu dan bahasa. Beliau juga telah



menerima ilmu nahu dengan membaca kitab-kitab tertentu di hadapan guru atau diistilahkan sebagai tasmi' (belajar dengan cara memperdengarkan bacaan di hadapan guru) atau dengan cara membawa kitab dan membacanya dihadapan guru, mana yang tersirat disoal dan kadang-kadang guru menerangkan sesuatu. Beliau telah menuntut kitab Sibawayh dengan gurunya Abu Ja'far Ahmad bin Ibrahim bin Zubayr al-Thaqafiy. Kitab al-Idah, al-Takmilat, al-Mufasssal, Jumal al-Zajjajiy, syi'r-syi'r Arab yang enam dan al-Hamasat, Diwan al-Habib, Diwan al-Mutanabbiy dan Diwan al-Ma'arriy dengan guru Abu al-Hasan 'Aliy bin Muhammad bin Muhammad bin 'Abd al-Rahman al-Khasyaniy al-Abaziy, Abu al-Hasan 'Aliy bin Muhammad ibn 'Aliy bin Yusuf al-Kattamiy Ibn al-Sa'igh, Abu Ja'far Ahmad bin Ibrahim Ibn al-Zubayr bin Muhammad bin al-Zubayr al-Thaqafiy, Abu Ja'far Ahmad bin Yusuf Ibn 'Aliy bin Yusuf al-Fihriy al-Labliy dan Abu 'Abdullah Muhammad bin Ibrahim bin Muhammad bin Nasr al-Halabiy Ibn al-Nahhas. Guru yang bermazhab Zahiri pula ialah: Abu al-'Abbas Ahmad bin Khalis al-Ansariy al-Asybiliy dan Abu al-Fadl Muhammad bin Muhammad bin Sa'dun al-Fihriy al-Syantamariy.

Ilmu qira'at juga memberi kesan kepada kehebatan nahu Abu Hayyan, beliau telah berguru dengan ramai qurra' (ulama-ulama bacaan al-Quran) dengan riwayat al-sab'at seperti: al-Musnad al-Ma'mar Fakhr al-Din Abu Tahir Isma'il bin Hibatullah bin 'Aliy bin Hibatullah al-Misriy al-Mallihiy, al-Qadi Abu 'Aliy al-Hasan bin 'Abd al-'Aziz bin Abi al-Ahwas al-Qurasyiy, qari Abu Ja'far Ahmad bin Sa'id ibn Ahmad bin Basyir al-Ansariy, Ishaq bin 'Abd al-Halim bin Muhammad Ibn 'Abd al-Malik al-Baghdadiy bin Darbas, Abu Bakr bin 'Abbas bin Yahya Ibn al-Gharib al-Baghdadiy al-Qawwas, Safiy al-Din al-Husayn bin Abu al-Mansur bin Zafir al-Khazrajy, Abu al-Husayn Muhammad bin Yahya bin 'Abd al-Rahman bin Rabi' al-Asy'ariy, Wajih al-Din Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Ahmad al-Azdiy Ibn al-Dahhan, Qutb al-Din Muhammad bin Ahmad bin 'Aliy bin

Muhammad bin al-Qastallaniy, Radi al-Din Muhammad bin ‘Aliy bin Yusuf al-Ansariy al-Syatibiy al-Lughawiy, Najib al-Din Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin al-Mu’ayyid al-Hamadaniy, Muhammad Ibn Makkiy bin Qasim bin Hamid al-Asfahaniy al-Saffar dan ramai lagi (Khadijat al-Hadithiy 1966: ms 70-72).

Guru-guru Abu Hayyan bertanggungjawab menaqqalkan (meriwayat atau menyampaikan) ilmu-ilmu tersebut daripada ulama-ulama besar nahu Mazhab Basrah seperti Sibawayh, Abu al-Hasan al-Akhfasy, Abu ‘Umar al-Jarmiy, al-Khalil, Abu ‘Uthman al-Maziniy, Abu Hatim al-Sajistaniy, al-Riyyasy, al-Ziyadiy, Qutrub, al-Mubarrid, al-Zajjaj, Ibn al-Sarraj, ‘Aliy bin Sulayman al-Akhfasy, Ibn Durustuwayh, Abu Qasim al-Zajjajiy, Abu Sa‘id al-Sirafiy, Abu ‘Amrw Ibn al-‘Ala‘, ‘Isa bin ‘Umar, Yunus bin Habib, Mabraman dan lain-lain.

Daripada guru-guru itulah juga yang telah menaqqalkan ilmu nahu daripada ulama-ulama besar Mazhab Kufah seperti: al-Kisa’iy, ‘Aliy bin al-Hasan atau dikenali sebagai “al-Ahmar” sahabat al-Kisa’iy, al-Farra’, Abu ‘Amrw al-Syaibaniy, Hisyam al-Darir, Abu al-‘Abbas Yahya bin Tha‘lab, al-Ru’asiy, Mu‘adh bin Muslim al-Harra’, Ibn Sa‘dan, Muhammad bin Habib dan Abu Musa bin al-Hamid.

Abu Hayyan juga tidak ketinggalan menimba ilmu daripada ulama-ulama Baghdad seperti Ibn Kaysan, al-Zajjajiy, al-Farisiy, Ibn Jinni, Ibn Qutaybat, Abu Hanifat al-Daynuriy, Ibn Syaqir, Ibn al-Khayyat, al-Zamakhsyariy, Ibn al-Syajuriy, al-Anbariy, al-‘Akbariy, Ibn Ya’isy dan Rida al-Istarbaziy.

Abu Hayyan tidaklah mengeneppikan ulama-ulama Andalus kerana daripada merekalah beliau mula mengenal ilmu daripada berumur tujuh tahun sehingga dewasa. Ketika berumur dua puluh lima tahun berhijrah ke sana ke mari menuntut ilmu dan menyampaikan ilmu yang dimilikinya. Beliau telah menerima ilmu Ibn Malik, Ibn ‘Ustur,

Ibn Hisyam al-Khudrawiy, Abu Bakr al-Zabidiy, Ibn al-Qutiyyat, Judiy bin ‘Uthman, Ibn Sayyidaṭ, al-A‘lam al-Syantamariy, Ibn al-Sayyid al-Batliwsiy, Ibn Badhisy, Ibn al-Tarawaṭ, Ibn ‘Atiyyat al-Gharnatiy, Ibn Tahir al-Asybiliy, Abu al-Qasim al-Suhayliy, Ibn Mada’ al-Qurtubiy, Ibn Kharuf dan al-Jazuliy ( al-Dhahabiy(t.t): ms 723; al-Subkiy(t.t): jld9 ms 277).

Tidak ketinggalan juga beliau telah menaqalkan (meriwayatkan) daripada ulama-ulama terkemudian yang sezaman dengannya seperti: Al-Jurjaniy, Ibn al-Dahhan, Ibn Kassab dan lain-lainnya.

Kesan daripada banyak menuntut kitab dan berguru dengan lebih daripada empat ratus lima puluh orang guru itu, dapat membawa kepada pembacaan Abu Hayyan yang sangat luas, juga perhubungannya dengan ulama yang sangat ramai itu, memberi kesan besar dalam kehidupan ilmiahnya.

### **3.9.2 Pengaruh Rujukan Abu Hayyan.**

Al-Kitab karangan Sibawayh merupakan kitab yang tersohor dalam pengajian nahu. Abu Hayyan banyak memujinya pada banyak tempat dalam kitabnya (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 149). Daripada “al-Kitab” Abu Hayyan telah menjadikan rujukan utamanya dalam masalah nahu. Banyak pentarjihan (pemilihan pendapat) berdasarkan kepada kitab Sibawayh.

Buku “al-Kitab” karangan Sibawayh merupakan kitab pertama yang lengkap mengenai permasalahan nahu. Ulama-ulama nahu yang terdahulu di zaman Sibawayh memahami tentang nilai dan betapa berharganya kitab Sibawayh ini demi untuk memahami bahasa Arab. Oleh itu, mereka mempelajarinya bersungguh-sungguh dan menurunkannya

kepada yang lain pula selepas itu. Kekaguman mereka kepada kitab tersebut dapat digambarkan dengan kata-kata Abu 'Umar al-Jarmiy: "Saya berfatwa kepada orang ramai mengenai masalah bahasa dengan kitab Sibawayh lebih daripada tiga puluh tahun, orang bertanya kepada saya bagaimana boleh terjadi sebegitu?, saya menjawab: Saya banyak bertutur, kerana kitab Sibawayh mengajar saya kaedah analogi, jadi saya galakkan percakapan mereka dan saya keluarkan kepada mereka fatwa nahu dan bahas Arab (al-Zabidiy 1983: ms 7).

Hampir dua ratus lima puluh lima muka surat dalam al-Bahr al-Muhit, Abu Hayyan merujuk permasalahan bahasa dan nahu kepada Sibawayh. Ini menunjukkan betapa besarnya kesan kitab Sibawayh kepada Abu Hayyan.

Antara kitab lain-lain yang menjadi rujukan Abu Hayyan ialah : al-Usul tulisan Ibn al-Sarraj, Isfar al-Fasih tulisan al-Harawiy, al-Ighrab fi 'Ilm al-I'rab tulisan al-Wahidiy dan al-Aghfal tulisan al-Farisiy.

Banyak lagi kitab-kitab yang menjadi rujukan Abu Hayyan dalam pelbagai bidang bahasa dan nahu. Dalam dialek Arab umpamanya beliau merujuk kepada kitab al-Bahiy tulisan al-Sakakiy, Fasih tulisan Tha'lab, al-Majalis tulisan Tha'lab, Dara'ir al-Syi'r tulisan Ibn 'Usfur, al-Nawadir tulisan Abu Zayd al-Ansariy, al-Nawadir tulisan Ibn al-'Arabiyy, al-Nawadir tulisan al-Zajjajiy dan al-Nawadir tulisan al-Hiyaniy.

Antara kitab-kitab saraf (morfologi): al-Istidrak tulisan al-Zabidiy, al-Tasrif dan al-Syadan tulisan Abu al-'Alla' al-Ma'arriy, al-Daruriy fi al-Tasrif tulisan Ibn Malik, al-Mumti' fi al-Tasrif tulisan Ibn 'Usfur, al-Munassif tulisan Ibn Jinni, Ijaz al-Ta'rif fi 'Ilm al-Tasrif tulisan Ibn Malik.

Beliau juga menaqqalkan daripada kitab-kitab makhraj (fonetik) seperti kitab al-

Azhariyyat tulisan al-Harawiy, Wasf al-Mabaniy tulisan al-Maliqiy, al-Huruf tulisan Abi Nasr al-Farabiyy dan al-Huruf tulisan al-Farisiy.

Tidak ketinggalan kitab-kitab tarajum (biografi) dan tabaqat (kitab besar yang mengisahkan ulama-ulama dalam sesuatu bidang) juga menjadi rujukan beliau. Antara kitab Tabaqat tarajum ialah kitab Tabaqat Fuhul al-Syu'ara' tulisan Ibn Sallam. Sementara kitab Tabaqat Syu'ara' (syi'r-syi'r Arab) seperti Tabaqat al-Tamam tulisan Ibn Jinni dan kitab al-Syi'r tulisan al-Farisiy. Rujukan kepada tabaqat yang berbentuk leksikografi pula seperti kitab al-'Ain tulisan al-Khalil bin Ahmad, al-Sihah tulisan al-Jauhariy, al-Muhkam wa al-Mukhassas tulisan Ibn Sidah.

Kitab-kitab yang berbentuk qira'at pula seperti kitab al-Hujjat tulisan al-Farisiy, al-Sab'at tulisan Ibn Mujahid. Kitab-kitab yang berbentuk 'irab seperti : 'Irab al-Qur'an tulisan al-Mubarrid, al-Kasysyaf tulisan al-Zamakhshariy, al-Musykil tulisan Abi Talib al-Makkiy, Ma'aniy al-Qur'an tulisan al-Zajjaj dan Ma'aniy al-Qur'an tulisan al-Farra'.

Kitab-kitab perumpamaan pula seperti kitab al-Mufaddal tulisan al-Dabbiy. Kitab mengenai hadith seperti Sahih al-Bukhariy.

Kitab khilaf antara Mazhab Basrah dan Mazhab Kufah seperti kitab al-Insaf tulisan al-Anbary, Ru'us al-Masa'il tulisan Ibn Asbagh, al-Masa'il al-Khilafiyat tulisan Ibn al-Faras dan al-Muqni' fi Masa'il al-Khilaf tulisan al-Nahhas. Kitab-kitab bahasa yang khusus dengan sesuatu tajuk seperti al-Ta'ir al-Tam tulisan al-Sajistaniy, al-Firaq tulisan al-Qutrub, Mufradat al-Asma' tulisan al-Akhfasy dan al-Hamz tulisan Abi Zayd. Kitab bahasa-bahasa lain juga dirujuk oleh Abu Hayyan seperti kitab Jala' al-Ghabsy 'an Lisan al-Habsy.

Kitab-kitab ini semua ada yang telah siap dicetak dan ada yang masih dalam mikrofilem. Betapa sukar dan terperinci kitab-kitab tersebut untuk dibaca dan difahami,

tetapi itulah hakikat kealiman ulama terdahulu. Banyak membaca, banyak belajar sama ada berguru atau membaca sendiri dan juga banyak menulis.

### **3.9.3 Pengaruh Mazhab Zahiri .**

Mazhab Zahiri khususnya dalam bidang analogi mempengaruhi Abu Hayyan dalam aliran nahu Arab (Ibn 'Imad 1351H: jld 6 ms 145), bahkan adalah mustahil sekiranya beliau menyimpang daripada mazhab Zahiri yang sudah melekat pada akal fikirannya (al-Suyuty 1964: ms 352 ). Pengaruh mazhab fiqh memberi kesan kepada mazhab nahu sebagaimana mazhab Zahiri dan lain-lain mazhab dibina berdasarkan pendapat orang yang terdahulu (Majallat Da'irat al-Ma'arif al-Islamiyyat jld 1 ms 332).

Pengaruh daripada mazhab Zahiri yang menjadi sandaran kepada Abu Hayyan menghasilkan beberapa perkara dalam perkembangan ilmu nahu. Antaranya ialah, pemikiran nahu Mazhab Andalusia yang dipelopori oleh Ibn Mada' telah mempengaruhi Abu Hayyan dan Ibn Malik. Jika sekiranya ia tidak disebabkan penyerangan bangsa Eropah dan meruntuhkan Andalusia, kehebatan bahasa Arab lebih terserlah. Merekalah yang telah mengembangkan ilmu nahu di Mesir dan Syria di kala Mesir dan Syria tidak wujud ulama-ulama nahu yang betul-betul berketerampilan ( Khadijat al-Hadithiy 1966: ms 320).

Pengaruh kaedah nahu Mazhab Andalusia telah diperkatakan oleh penulis pada banyak tempat seperti dalam sub-sub tajuk di atas. Hakikatnya bahawa Abu Hayyan sebagaimana yang telah ditegaskan diatas tidaklah menerima bulat-bulat mazhab tersebut tetapi beliau mendapat peluang untuk mengambil mana yang baik dan istimewa daripada mana-mana pemikiran, aliran dan mazhab.

### **3.9.4 Pengaruh Persekitaran.**

Abu Hayyan hidup di Andalusia sejak kecil pada tahun 654H (1256M) hinggalah pada tahun 679H (1280M) iaitu selama 25 tahun. Beliau telah berguru dengan banyak ulama yang tersohor dan membaca pelbagai kitab sepanjang zaman remajanya. Sejak berumur tujuh tahun sehingga menjangkau usia muda. ('Abd al-'Al Salim Makram 1980: ms 282).

Persekitaran Andalusia ketika itu menjadikan Abu Hayyan berada dalam suasana masyarakat yang mementingkan ilmu pengetahuan. Jika dilihat kepada diri beliau sendiri dimana ayahandanya merupakan seorang ulama tafsir sebagaimana beliau sendiri yang menceritakannya dalam surah Yusuf (Abu Hayyan 2001: jld 1 ms 28). Pada kebiasaannya bila seseorang celik matanya dan melihat persekitarannya suasana tertentu maka sudah tentu akan mempengaruhi tingkah laku seseorang itu. Pada zaman beliau membesar, telah dipenuhi dengan halakah-halakah ilmu di serata tempat. Halakah-halakah itu pula diisi dengan pelbagai jenis ilmu pengetahuan yang telah diajar. Pelajaran-pelajaran seperti fiqh, hadith, tafsir, usul fiqh, bahasa Arab, sastera dan lain-lainnya diajar serata tempat. Persekitaran inilah hidupnya Abu Hayyan, kata al-Muqriy meriwayatkan daripada al-Safadiy: "Abu Hayyan dibesarkan di Gharnataṭ (Granada), di situlah beliau mempelajari qira'at, nahu dan bahasa. Kemudian di Malqaṭ (Malaga), Muriyaṭ (Murcia), al-Jaziraṭ al-Khadra' dan Jabal al-Fath (al-Muqriy(t.t) : jld3 ms 194).

Tidak syak lagi sebagaimana yang dikisahkan oleh buku-buku sejarah dan biografi bahawa bandar Gharnataṭ (Granada) pada ketika itu dipenuhi dengan sekolah-sekolah yang mengajar pelbagai jenis ilmu pengetahuan. Ramai pula ulama hadith, fiqh, bahasa Arab dan sastera yang terdapat di Qurtubaṭ (Cardoba), Isybiliyyaṭ (Albacete), Mursih (Mursia) dan

lain-lain bandar Andalusia. Oleh itu, sudah tentulah Abu Hayyan juga seperti orang lain yang mengambil berat sepenuhnya dengan menimba ilmu sejak kecilnya sehingga menjadi seorang ulama terkenal.

Abu Hayyan sendiri pernah berkata dalam tafsirnya: “Sejak saya mumayyiz lagi saya sudah belajar dengan ulama-ulama, bersama dengan para ulama fiqh, mencintai majlis-majlis mereka, berlumba-lumba dengan teman seusia, mengikut cara hidup mereka, beriltizam dengan kumpulan-kumpulan mereka, saya tidak akan berpindah kepada seorang ulama besar melainkan melalui mereka juga kepada ulama besar yang lain” (al-Muqriy (t.t): jld2 ms 285).

Beliau berkata lagi: “Siang saya adalah waktu sahur saya, malam saya adalah waktu awal hari saya, dikala anak-anak muda lain berhibur, berlibur dengan muzik, nyanyian, pakaian yang cantik-cantik, tetapi saya berbantalkan pintu ulama, membasmi kejahatan, bermalam dengan penuh kesabaran dengan mementingkan ilmu lebih daripada yang lainnya (al-Muqriy : jld2 ms 285; al-Suyutiy: jld 1 ms 281; al-Dawudiy: jld 2 ms 286-287).

Jauh perjalanan jauh pemandangan, itulah yang berlaku pada Abu Hayyan, beliau telah menjelajah keseluruhan pelosok tanah Arab, timur dan barat berjumpa dengan ulama-ulama lain, memberi dan menerima daripada mereka. Sementara di Mesir pula beliau telah dimuliakan dengan jawatan “Syaykh al-Nahw”. Penerimaan ulama-ulama dan masyarakat setempat menambahkan lagi kehebatan Abu Hayyan sehingga ada orang yang boleh mengatakan bahawa Abu Hayyan kalau tidak disebabkan berhijrah ke Mesir tidak akan menjadi terkenal seperti sekarang. Maknanya bagaimana penerimaan masyarakat Mesir yang telah menjadi perangsang kepada Abu Hayyan (‘Abd al-‘Al Salim Makram 1980: ms 282).



### **3.9.5 Pengaruh Kelayakan diri.**

Abu Hayyan mengetahui kadar ilmu yang dimilikinya yang melayakkannya untuk berijtihad dalam ilmu nahu. Kedudukannya pada zamannya, dipenuhi dengan sanjungan yang meluas, memiliki kedudukan yang tinggi kalangan umat Islam ketika itu, tersohor sebutan namanya, ramai di kalangan ulama yang mengambil manfaat daripada ilmu yang dimilikinya. Beliau telah dicatat dalam sejarah dengan tinta emas, keakuran ulama-ulama dikala itu berdasarkan kebijaksanaannya yang luar biasa, katakulannya, fakih yang luas pandangan, pemikiran yang sangat mulia, dan ilmunya yang sangat mantap ('Abd al-'Al Salim Makram 1980: ms 302). Ini dapat dilihat daripada pengakuan-pengakuan yang dibuat oleh ulama-ulama sepanjang zaman seperti di atas.

### **3.10 Abu Hayyan sebagai seorang Mujtahid Bebas Nahu.**

Abu Hayyan memiliki kaedah sendiri dalam berijtihad nahu. Kemampuan beliau pula dapat dilihat dalam tindakan beliau sebagai reformis ilmu nahu sebagaimana yang tertera pada BAB LIMA. Ciri-ciri sifat sebagai seorang mujtahid bebas nahu tertera dalam BAB TIGA yang memaparkan ketinggian ilmu Abu Hayyan dan pengakuan para ulama muktabar terhadap dirinya sepertimana di atas.

### **3.11 Abu Hayyan sebagai Syaykh al-Nahw Kerajaan Mamalik.**

Jawatan *masyyakhat* merupakan jawatan ulama-ulama sunnah turun temurun. Pelantikan jawatan tersebut melalui surat rasmi daripada sultan di Kaherah. Setelah seseorang dilantik ke jawatan tersebut mereka akan masuk ke bandar ke pasar-pasar dengan memakai persalinan yang dikurniakan oleh sultan. Para ulama, fuqaha, al-Naib, al-Nazir akan

menyambut dan mengiringi mereka sehingga ke pintu masjid negeri dan di situlah akan dibaca surat pelantikan sultan. Masyyakhat̄ terbahagi kepada beberapa bentuk masyyakhat̄: Sayaykh al-Islam, Syaykh al-nuhat̄, Syaykh al-khankhat̄ dan Qadi al-qudat̄ (al-Hanbaliy 1973: jld 2 ms 271,177).

Abu Hayyan mempunyai kedudukan tinggi dalam kerajaan Mamalik. Beliau telah dilantik menjadi guru nahu di Masjid al-Hakim pada tahun 704H, beliau mengajar tafsir. Ibn Kathir telah mengisahkan dengan katanya: “Pada hari Ahad 3 hari bulan Rabiulawal saya telah menghadiri kuliah tafsir Abu Hayyan, satu jawatan yang telah diwujudkan oleh Amir Bibres al-Jasyankir di masjid tersebut sebaik selesai baik pulih kesan gempa bumi pada akhir tahun 702H. Sultan telah menjadikan qadi empat juga mengajar mazhab masing-masing di situ di samping, Syaykh al-Hadith Sa’d al-Din al-Harithiy, Syaykh al-Nahw Athir al-Din Abu Hayyan, Syaykh al-Qira’at al-Sab’ Nur al-Din al-Syantufiy dan Syaykh Ifadat al-‘Ulum al-Syaykh ‘Ala’ al-Din al-Qunwiyy (Ibn Kathir(t.t): jld 14 ms 33).

### **3.12 Penutup.**

Abu Hayyan merupakan seorang mujtahid bebas dalam bidang nahu Arab, membentuk mazhabnya yang tersendiri dengan kaedah-kaedahnyanya yang tersendiri. Beliau merupakan ulama besar yang mengakhiri tirai negara Islam Andalusia, berhijrah ke Mesir membawa batu-batu permata yang sangat berharga yang berjaya melahirkan ramai cendekiawan dunia seperti Ibn Hisyam, al-Suyutiy dan Taqiy al-Din al-Subkiy. Beliau merupakan batu permata yang tidak ada tolok bandingnya kepada umat ini (al-Subkiy(t.t): jld 9 ms 278).